



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DOKTOR MOHD ZULKIFLI ABDUL RAHIM
AKTIVIS OKU**

OLEH:

| | |
|-------------------------------------------------------|-------------------|
| IMAN AMALIN BINTI AZMIN | 2021610128 |
| TENGGU NUR AZILAH AKMA BINTI TENGGU JELANI | 2021620288 |

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DOKTOR MOHD ZULKIFLI ABDUL RAHIM
AKTIVIS OKU

IMAN AMALIN BINTI AZMIN 2021610128
TENGGU NUR AZILAH AKMA BINTI TENGGU 2021620288
JELANI

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa,nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah tercinta kami, Puan Nurul Annisa Binti Abdullah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk saya dan rakan bersama menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kami pemudah cara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan saya dan rakan seperjuangan segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa. Mereka membantu kami dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka. Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip yang ditulis ini mengandungi temubual bersama seorang tokoh yang bernama Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim antara Tengku Nur Azilah Akma Binti Tengku Jelani dan Iman Amalin Binti Azmin. Temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai aktivis Orang Kurang Upaya dan sebagai pakar Terapi Carakerja. Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim yang juga Ketua Unit Transformasi Orang Kurang Upaya (OKU) merangkap Penyelaras Kluster OKU Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Aktivis Cakna OKU peringkat Negeri Kelantan sempena Sambutan Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan. Beliau menerima anugerah tersebut sebagai pengiktirafan atas sumbangan beliau dalam program pemerkasaan OKU yang dijalankan di USM kerana memberi manfaat kepada kebanyakan golongan OKU di Kelantan. Dr. Zul Rahim telah membawa lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam bidang Terapi Carakerja dan telah bekerja dengan individu yang kurang upaya dari semua peringkat umur, mulai dari bayi baru lahir hingga warga emas. Setelah menamatkan pengajian PhD pada tahun 2012, beliau telah memainkan peranan utama dalam menubuhkan pelbagai program Transformasi Kurang Upaya. Tugas Dr Mohd Zulkifli Rahim tidak hanya terhad kepada jawatan sebagai Terapi Carakerja, tapi juga berkhidmat sebagai seorang pendidik di Universiti Sains Malaysia Kampus Kelantan. Jejak hidup dan pencapaian beliau boleh memberikan inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Orang Kurang Upaya, aktivis OKU, USM, Juruterapi Carakerja.

This written transcript contains an interview with a figure named Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim between Tengku Nur Azilah Akma Binti Tengku Jelani and Iman Amalin Binti Azmin. This interview was conducted to find out about his services in his career as an activist for the Disabled and as an Occupational Therapy specialist. Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim, who is also the Head of the Transformation Unit for the Disabled (OKU) and the Coordinator of the Health Campus OKU Cluster, Universiti Sains Malaysia (USM), was selected as the recipient of the Kelantan State Level OKU Cakna Activist Award in conjunction with the Kelantan State

Muqarrabin OKU Day Celebration. He received the award in recognition of his contribution in the empowerment program for disabled people conducted at USM because it benefits most disabled people in Kelantan. Dr. Zul Rahim has more than 30 years of experience in the field of Occupational Therapy and has worked with disabled individuals of all ages, from newborns to the elderly. After completing his PhD studies in 2012, he has played a leading role in establishing various Disability Transformation programs. Dr Mohd Zulkifli Rahim's duties are not only limited to his position as an Occupational Therapist, but also serves as an educator at the Universiti Sains Malaysia Kelantan Campus. His life and achievements can inspire everyone.

Keywords: People with Disabilities, disabled activists, USM, Occupational Therapists.

SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN ABREVIASI | MAKSUD |
|----------------------------|--------------------------------------------|
| DZK | Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| JTK | Jabatan Tenaga Kerja |
| PhD | Doktor falsafah |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| UK | United Kingdom |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UiTM | Universiti Teknologi MARA |
| PDK | Pusat Pemulihan Dalam Komuniti |
| KPT | Kementerian Pengajian Tinggi |
| USM | Universiti Sains Malaysia |
| USIM | Universiti Sains Islam Malaysia |
| TA | Tengku Nur Azilah Akma Binti Tengku Jelani |
| IM | Iman Amalin Binti Azmin |
| MDS | Malaysia Disaster Management |

RUJUKAN KATA

| | |
|----------------------|-------------------------|
| Ni | Ini |
| Tu | Itu |
| Mintak | Minta |
| Tak | Tidak |
| Lah | Ialah |
| Kot | Ikut |
| Dah | Sudah |
| Kat | Dekat |
| Bila | Apabila |
| Jugak | Juga |
| Bawak | Bawa |
| Manfaat | Manfaat |
| Reti | Pandai |
| Dok | Tidak |
| Jupo | Jumpa |
| Darat | Dungu / bodoh |
| Nokgi | Pergi |
| Ngaji | Belajar |
| Mu | Kamu |
| Occupational Therapy | Juruterapi Carakerja |
| Screening Disability | Saringan Ketidakupayaan |
| So | Jadi |
| Team | Pasukan |
| Overseas | Luar Negara |

| | |
|-----------------------------|-----------------------|
| First Time Language | Bahasa Pertama |
| Mother Tongue | Bahasa Ibunda |
| English | Bahasa Inggeris |
| Kelate | Kelantan |
| Bahasa Luar | Bahasa Baku |
| Best Student | Pelajar Terbaik |
| Alright | Baiklah |
| Academician | Ahli Akademik |
| Progress | Proses |
| Master | Sarjana |
| You | Kamu |
| Takpe | Tidak Apa |
| Proposal | Cadangan |
| Finalize | Memuktamadkan |
| Expect | Mengharapkan |
| Confirmation of Candidature | pengesahan pencalonan |
| Fulltime | Sepenuh masa |
| Direct | Langsung |
| Enjoy | Menikmati |
| Breakdown | Gangguan Jiwa |

| | |
|-------------|-------------|
| Indicator | Tanda-Tanda |
| Risk | Risiko |
| Sorry | Maaf |
| Time | Waktu/Masa |
| Handle | Mengawal |
| Environment | Situasi |
| Right | Betul |
| Consistence | Konsisten |
| Start | Mula |
| Dunia | Bumi |
| Scholarship | Biasiswa |
| Value | Nilai |
| Interview | Temu bual |
| Interviewer | Penemu bual |
| Tie | Tali leher |
| Preparation | Persediaan |
| Detail | Terperinci |
| Result | Keputusan |
| Intention | Niat |
| Overcome | Atasi |

| | |
|--------------------|-------------------|
| physiotherapy | Fisioterapi |
| Difference | Perbezaan |
| Nothing | Tiada apa |
| Confident | Yakin |
| Reason | Sebab |
| Allowance | Elaun |
| Constructive | Membina |
| Which is | Yang mana |
| Ambik | Ambil |
| Way Forward | Jalan Kedepan |
| Family | Keluarga |
| Medical | Perubatan |
| Neuro- | Neurologi |
| Anatomy Physiology | Anatomi Fisiologi |
| Applied | Diaplikasikan |
| Stress | Tertekan |
| Takde | Tiada |
| Kalu | Kalau |
| Pulak | Pula |
| Explain | Terangkan |

| | |
|-----------------|--------------------|
| Pass | Lulus |
| Takpelah | Tiada Apa |
| Register | Daftar |
| Point | Isi |
| Local | Tempatan |
| Suburb | Pinggir Bandar |
| Expatriate | Perantau |
| Heater | Pemanas |
| Comforter | Selimut Tebal |
| Research Method | Kaedah Kajian |
| Collection | Pengumpulan Data |
| Committee | Ahli Jawatan Kuasa |

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

| | |
|---------------------------------------------|------------|
| ABSTRAK | 5 |
| SENARAI ABREVIASI | 7 |
| RUJUKAN KATA | 9 |
| ISI KANDUNGAN | 15 |
| ISI KANDUNGAN | 16 |
| BIODATA | 17 |
| PENEMUBUAL | 17 |
| 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA | 18 |
| 1.2 PENEMUBUAL KEDUA | 19 |
| BIODATA TOKOH | 20 |
| 2.0 BIODATA TOKOH | 21 |
| PENGENALAN | 22 |
| TRANSKRIP | 26 |
| PENGENALAN | 26 |
| BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG | 28 |
| BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN | 35 |
| BAHAGIAN C: KERJAYA | 67 |
| BAHAGIAN D: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN | 77 |
| BAHAGIAN E: HARAPAN | 82 |
| LAMPIRAN | 86 |
| LOG WAWANCARA | 87 |
| DIARI KAJIAN | 91 |
| SENARAI SOALAN | 93 |
| BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG | 98 |
| BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN | 98 |
| BAHAGIAN C : KERJAYA | 99 |
| BAHAGIAN D: SUMBANGAN | 100 |
| BAHAGIAN E: HARAPAN | 100 |
| SURAT PERJANJIAN | 102 |
| GAMBAR | 104 |
| INDEKS | 106 |

BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



| | |
|--------------|------------------------------------------------------------------------------|
| Nama | Tengku Nur Azilah Akma Binti Tengku Jelani |
| Tarikh lahir | |
| Tempat lahir | Kota Bharu, Kelantan |
| Alamat | Kota Bharu, Kelantan |
| No Telefon | |
| E-mel | |
| Program | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245) |

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



| | |
|--------------|------------------------------------------------------------------------------|
| Nama | Iman Amalin binti Azmin |
| Tarikh Lahir | |
| Tempat Lahir | Pasir Puteh Kelantan |
| Alamat | Pasir Puteh Kelantan |
| No. Telefon | |
| Emel | |
| Program | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245) |

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH



| | |
|--------------|------------------------------|
| Nama | Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim |
| Tarikh lahir | |
| Umur | 54 Tahun |
| Tempat lahir | Kota Bharu, Kelantan |
| Alamat | Kota Bharu, Kelantan |
| No Telefon | |
| Status | Berkahwin |
| Bidang | Juruterapi carakerja |

PENGENALAN

PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan sesuatu yang tidak asing di dalam sejarah pembelajaran tidak kira pada masa dahulu mahupun pada masa kini. Sejarah lisan, juga dikenali sebagai dokumentasi lisan atau verbal, memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan mengekalkan pengetahuan melalui komunikasi lisan berbanding teks bertulis. Bentuk dokumentasi ini amat berharga dalam situasi di mana interaksi langsung dan segera diperlukan, seperti mesyuarat pasukan, persembahan, dan sesi latihan. Berbeza dengan dokumentasi bertulis, dokumentasi lisan membolehkan penjelasan segera mengenai konsep yang kompleks, menggalakkan perbincangan dinamik, dan menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif. Selain itu, dokumentasi lisan dapat menangkap nuansa nada, penekanan, dan konteks yang mungkin sukar disampaikan melalui cara bertulis, menyumbang kepada pemahaman yang lebih kaya dan menyeluruh mengenai maklumat yang disampaikan.

Komuniti Orang Kurang Upaya, OKU, merupakan insan yang amat bernilai dalam kalangan masyarakat kerana mereka merupakan insan-insan yang harus dilindungi, dibantu, diambil perhatian dan diberi peluang untuk menolong mereka menjalani kehidupan seperti orang-orang normal. Di era globalisasi ini, kita dapat lihat pelbagai cerita-cerita kejayaan komuniti OKU yang berjaya berdiri di atas kaki sendiri dan mampu berdikari serta sesetengah komuniti OKU dapat menyara ahli keluarga mereka. Akan tetapi, masih banyak golongan OKU yang masih memerlukan bantuan dari segi kewangan, kesihatan dan sebagainya.

Dari sinilah, peranan aktivis OKU dapat dilihat di persada dunia, penglibatan aktivis-aktivis OKU inilah yang membuka ruang dan peluang kepada golongan OKU. Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim merupakan seorang pejuang OKU yang mempunyai berpuluh-puluh tahun pengalaman dalam mengendalikan komuniti OKU. Selain itu, beliau merupakan pengasas bersama untuk Pusat Transformasi OKU USM-MAIK yang mula beroperasi ketika 8 Disember 2022 dengan kerjasama pelbagai pihak

Oleh itu, melalui temubual ini , kami ingin merungkai pelbagai persoalan tentang bagaimana Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim menjalankan tugas-tugas beliau sebagai aktivis OKU, pengasas pusat OKU dan pakar juruterapi carakerja. Tambahan pula, melalui temubual ini, kami dapat mempelajari dari mana datangnya semangat juang seorang tokoh yang sangat memberi inspirasi dari latar belakang beliau sehingga harapan beliau.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh aktivis OKU dan pakar terapi carakerja. Bersama-sama kami ialah Dr Zulkifli Abdul Rahim yang merupakan seorang aktivis OKU dan pakar terapi carakerja. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Disember 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 3.30 petang bertempat di Pusat Transformasi OKU USM-MAIK, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Tengku Nur Azilah Akma Binti Tengku Jelani dan saya, Iman Amalin Binti Azmin. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

DZK: Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim

IM : Iman Amalin

TA : Tengku Azilah

Pengenalan

IM : Sebelum memulakan temubual ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Zul kerana sudi ditemu bual oleh kami. Tanpa membuang masa, saya ingin mulakan dengan soalan mengenai latar belakang Pusat Transformasi OKU ini

DZK : (melihat kepada penemubual) Okay, Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, okay, nombor satu adalah ribuan terima kasih banyak sebab sudi untuk nak apa kita panggil interview saya dan semoga perkongsian ini akan memberi *manfaat* [Manfaat] kepada masyarakat dan juga pelajar, okay, terlebih dulu Pusat

Transformasi OKU ini sebenarnya adalah Pusat Seheni kepada OKU untuk menyelesaikan satu masalah besar kepada OKU. Pada masa ini kami tengok permasalahan dia adalah *bila* [apabila] masa ada permasalahan tentang OKU, dimanakah mereka nak tuju, *bila* [apabila] pergi ke hospital, dia akan tanya tentang penyakit apa?, *bila* [apabila] pergi ke sekolah bidang apa?, atau bila pergi ke *JKM* [Jabatan Kebajikan Masyarakat] bantuan apa okay tapi mereka *tak* [tidak] jumpa dimana tempat untuk mendapatkan konsultasi, runding cara untuk memahami apakah perasaan mereka dan bagaimana mereka perlu dibantu okay, jadi Pusat Transformasi OKU ini melalui kepakaran terapi carakerja ataupun *occupational therapy* [juruterapi carakerja], kita ada buat *screening disability* [saringan ketidakupayaan] untuk mengenal pasti apakah keperluan mereka sebagai seorang OKU, *so* [jadi] bila keperluan mereka ini kalau kita, mereka menginginkan, memerlukan kepada keperluan dari segi perubatan, Pusat Transformasi OKU mempunyai kepakaran apa orang panggil, pasukan perubatan daripada Hospital *USM* [Universiti Sains Malaysia] yang boleh bantu kita, kita akan rujuk *direct* [langsung] kepada *team* [pasukan] kepakaran perubatan ataupun jika seorang OKU ini memerlukan kepada pemulihan terapi, kita rujuk kepada hospital untuk dapatkan rawatan terapi dengan spesifik. Seterusnya, jika mereka ini memerlukan kepada bantuan, apa yang dipanggil, perkhidmatan kepada agensi-agensi sama ada lesen *JPJ* [Jabatan Pengangkutan Jalan] atau bantuan daripada *JKM* [Jabatan Kebajikan Masyarakat] ataupun *JTK* [Jabatan Tenaga Kerja] untuk pekerjaan, kita akan rujuk *direct* [secara langsung] kepada agensi-agensi berkenaan sebab mereka ini, kita telah ada satu bentuk kerjasama dengan Pusat Transformasi OKU, okay, begitu juga jika mereka ini memerlukan kepada bantuan ataupun untuk apa kerjasama daripada *NGO* [Badan Bukan Kerajaan], kita juga rujuk kepada ejen-ejen tertentu untuk bantu mereka, keadaan situasi dia dan pada masa yang sama jugak Pusat Transformasi OKU mempunyai

program-program tertentu untuk pemerksaan seperti untuk nak latihan pekerjaan, untuk kerusi roda, untuk pertanian, perniagaan dan sebagainya. Sebab Pusat Transformasi OKU mempunyai motto “*Transforming people with disability from lialibility to productivity*” okay, ataupun Bahasa Melayunya, menukar status OKU daripada bebanan kepada produktiviti sebab masyarakat melihat orang OKU ini orang susah, orang miskin dan sebagainya so [jadi] kita tukar persepsi ini menjadikan mereka ini kepada sumber manusia kepada negara seterusnya menyumbang kepada produktiviti negara.

TAMAT BAHAGIAN PENGENALAN

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG

IM : Seterusnya, kita akan masuk ke soalan latar belakang, soalan pertama, apakah nama penuh Dr?

DZK : Okay, nama penuh saya Muhammad Zulkifli Abdul Rahim

IM : Soalan seterusnya, adakah Dr mempunyai nama gelaran?

DZK : Tiada nama gelaran, macam ini *jelah* [saja]. *Takde* [tiada] apa-apa pun, biasa *ja* [saja] (ketawa)

IM : Seterusnya, berapakah usia Dr pada tahun ini?

DZK : Wow!, okay, hati muda lagi, hati baru 28 (ketawa), saya 54 tahun, dan apa kita panggil dilahirkan di Kubang Kerian, saya dilahirkan pada tahun 1969, pada hari apa kita panggil yang 11 mei yang huru hara tu kan dan saya berasal dan dilahirkan di Kubang Kerian, menetap di Kubang Kerian, dan juga bekerja di Kubang Kerian. Rasa-rasa yang ini yang Allah swt yang bagi nikmat kepada saya yang mana bukan senang, maknanya asal daripada kampung, bekerja di kampung dan satu lagi yang mungkin *tak* [tidak] ramai orang dapat dan tahu. Saya, pendidikan saya ditaja oleh *USM* [Universiti Sains Malaysia] daripada awal sehingga ke hari ini, yang itu *special* [istimewa], itu yang saya pun *tak* [tidak] tahu, itu semua diatur Allah swt, rezeki.

IM : **Seterusnya, pada usia berapakah Dr mendirikan rumah tangga?**

DZK : Okay, saya *dah* [sudah] kahwin lama dan mungkin soalan ini kita tidak perlu sangatlah. Bukan apa pun, saya rasa *tak* [tidak] diperlukan sangatlah, tapi saya dah kahwin *dah* [sudah] lama dan Alhamdulillah mempunyai keluarga yang bahagia dan anak-anak saya pun *dah* [sudah] Alhamdulillah agak berjaya yang mana dia disebabkan oleh sistem pendidikan saya, dia juga belajar di universiti dan walaupun dia orang apa kita panggil, orang malaysia, tapi disebabkan dibesarkan lama di *overseas* [luar negara], *first time language* [bahasa pertama] dia, apa *mother tongue* [bahasa ibunda] dia, dia suka cakap, *English* [bahasa inggeris] adalah *first time language* [bahasa pertama] dia. Dan kedua adalah bahasa *Kelate* [Kelantan]. *Bahasa luar* [bahasa baku] dia kurang okay dan Alhamdulillah dia *jugak* [juga] tapi bagaimanapun walaupun pendidikan awal di luar negara, dan dia hanya masuk pendidikan di Malaysia pada tingkatan dua, dia mampu untuk menjadi *best student* [Pelajar terbaik] masa *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] dan juga *best*

student [Pelajar terbaik] semasa *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] dan dia juga mendapat biasiswa untuk belajar luar negara dalam bidang fizik, *so* [jadi] kalau nak tanya macam tulah. *Alright* [baiklah].

IM : Jika Dr tidak keberatan, boleh berkongsi kerjaya isteri Dr?

DZK : Okay, Alhamdulillah kerjaya isteri saya adalah *tak* [tidak] spesifik dari segi pentadbiran dan Alhamdulillah itu juga rezeki sebab dengan kerjaya saya sebagai *academician* [ahli akademik] ini saya untuk menjayakan *progress* [proses] Transformasi OKU agak sibuk dan belajar pun ini dan dia juga *so* [jadi] dari segi pentadbiran itu membolehkan beliau ambil cuti dan sebagainya. *So* [jadi], dia tidak mendapat maknanya dengan kaedah itu dia tidak menghalang saya untuk mengembangkan saya punya pendidikan atau penyelidikan.

IM : Soalan seterusnya, adakah Dr masih mempunyai ibu dan bapa?

DZK : Yang ini, soalan ini seronok sebab ada dua perkara, di sinilah juga Tuhan, mungkin perkongsian yang boleh membantu, saya belajar apa kita panggil, semasa saya belajar *overseas* [luar negara], setiap kali saya pergi belajar, okay, untuk makluman, mungkin akan ada kemudian nanti, untuk membolehkan kita cerita lebih dalam konteks yang lebih faham, saya belajar apa kita panggil ijazah pertama saya di United Kingdom dan saya punya *Master* [Sarjana] di Australia dan *PhD* [Doktor Falsafah]. *So* [jadi], semasa saya belajar apa ijazah di *UK* [United Kingdom], ayah saya sakit dan sekali lagi, bila saya pergi buat *Master* [Sarjana], lagi sekali dia sakit dan bila dia sakit, untuk saya buat *PhD* [Doktor Falsafah], dia dah tak benarkan saya dengan ayat dia yang

agak kalau dengar ini memang agak menyucuk dan juga mungkin rasalah. Dia kata “ Zul, dia kata kalau *mu nokgi ngaji* [kalau kamu nak pergi belajar] *dok jupo* dah dengan aku [tidak akan berjumpa sudah dengan Ku]”. Okay, *so* [jadi] maknanya dengan kata lain, kalau *you* [kamu] pergi memang kan dan tapi Alhamdulillah saya berjaya pujuk mereka sebab saya sebagai nak pergi kepada *academician* [ahli akademik] kalau tidak ada *PhD* [Doktor Falsafah], dia tidak ke mana, *so* [jadi] saya tidak ada pilihan kecuali melanjutkan pelajaran. Sebabnya saya pujuk ayah saya, saya kata *takpe* [tidak apa], saya pergi untuk setahun untuk buat *proposal* [cadangan] dan sebagainya *so* [jadi] datang ke *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia], saya akan buat projek di Malaysia, okay dan juga lepas setahun itu saya akan pergi untuk *finalise* [memuktamadkan], untuk tahun yang ketiga dan selepas itu barulah apa kita panggil balik, *so* [jadi] tidak jauh. Okay, tapi malangnya dalam tahun yang pertama, saya belajar di sana, dia dah mula dah suruh balik dan sebagainya. Saya buat PhD [Doktor Falsafah] di Australia, dia sudah balik dan sebagainya, dalam tahun yang pertama, dalam bulan jup, saya ingat-, saya cuba tunggu-, saya memulakan *PhD* [Doktor Falsafah] pada bulan tujuh, Julai, 2007. *Alright* [baiklah], dan saya *expect* [expect] untuk melakukan kita panggil “*Confirmation of Candidature*” [pengesahan pencalonan] kita panggil ya, *PhD* [Doktor Falsafah] pada bulan Julai, 2008, malangnya, pada bulan dua belas, 2007 itu dia (bapa Dr Zul) *dah start* [sudah mula] telefon dia kata balik dan sebagainya saya cuba pujuk lagi akhir sekali sehingga bulan Mac, 2008, saya dapat panggilan telefon daripada keluarga kata ayah *dah tak* [sudah tidak] sihat dan sebagainya dan saya baliklah, saya balik dan Alhamdulillah sempat jaga dia, *fulltime* [sepenuh masa] dengan dia masa sakit itu, dia memang sakit tenat, orang tua, sehingga bulan, dia meninggal dalam bulan April. *So* [Jadi], dalam bulan Mac atau April *tu* [itu], saya bersama dengan beliau, jadi dengan kata lain itu *jugak* [juga]

satu hikmah sebab apa, walaupun saya belajar jauh tapi saya dapat bersama dia sehingga saat akhir berbanding dengan orang lain yang mungkin duduk di sini pun (berdekatan dengan ibu dan bapa) *tak* [tidak] berbuat sebegini, jadi dengan kata lain walaupun dia pun hasrat kata *tak* [tidak] benarkan saya belajar *time* [waktu] tu sebab *tak* [tidak] jumpa dia, sebenarnya berjumpa pun. Okay, dan mak saya meninggal Alhamdulillah *jugak* [juga] mak saya meninggal setelah tamat pengajian *PhD* [Doktor Falsafah], dia meninggal pada tahun 2012, dalam bulan- -saya *tak* [tidak] ingat bulan berapa tapi pada saya ingat adalah pada satu, Ramadhan pada tahun 2012. Okay, dan saya habis, balik pada *PhD* [Doktor Falsafah] saya pada, dalam September, Disember atau September *sorry* [maaf], Disember ke September, *tak* [tidak] ingat, lebih kurang November gitu, 2011 dan saya boleh menjaga ibu sehingga pada selama enam bulan, orang tua. *So* [Jadi], jawapan *direct* [langsung] kepada tadi *tu* [itu] *dah* [sudah] sekarang meninggal dua-dua tapi Alhamdulillah kedua-duanya walaupun saya kerap tinggal untuk sambung belajar dan Allah bagi lagi kemudahan kepada saya untuk berbakti kepada mereka.

IM : **Okay, soalan seterusnya, boleh kami tahu nama penuh ibu dan bapa Dr?**

DZK : Saya *tak* [tidak] perlu yang tu, sebab *tak ni sangat kan ya* [tiada kaitan].

IM : **Soalan seterusnya, apakah kerjaya bapa Dr?**

DZK : Okay, *this is very important question* [Ini soalan yang sangat penting] sebab apa yang saya ada pada hari ini adalah disebabkan perkara

tersebut, ibu bapa saya adalah petani yang buta huruf, yang orang miskin, *alright* [baiklah], dan saya Alhamdulillah, walaupun saya orang miskin, saya ingat dalam keadaan yang susah tapi saya dapat rezeki yang baik kerana saya dapat melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Tengku Faris Petra, okay, jadi disebabkan oleh, walaupun saya miskin, tapi disebabkan saya masuk sekolah asrama penuh jadi makanan dan sebagainya itu terkawal. Okay Alhamdulillah, di situ dan saya jawab soalan ya, miskin, dan mak ayah saya adalah petani.

IM : Soalan seterusnya, berapakah bilangan adik-beradik Dr?

DZK : (mengeluh) okay, saya daripada keluarga yang agak ramai, enam orang, saya yang bongsu, dan itu *jugak* [juga] , macam mana ya, *tak* [tidak] pasti bagaimana ia mempengaruhi kepada keadaan lah. Okay, teruskan.

IM : Soalan seterusnya, apakah hobi Dr ketika masa lapang?

DZK : Hobi! (berteriak), sebenarnya hobi saya adalah melancong dan *jugak* [juga] memandu. Okay, masa lapang boleh katakan masa lapang semasa biasa boleh katakan tidak ada (ketawa). Sebenarnya begitu, kalau saya berehat pun kerana terpaksa berehat kerana keletihan buat masa sekarang macam begitu tapi bagaimanapun saya punya hobi bekerja sebab saya *enjoy* [menikmati]. Bila saya dapat *accomplishments* [pencapaian-pencapaian], kerja-kerja saya, saya *enjoy* [menikmati], itu yang menyebabkan saya rasa walaupun sebenarnya kalau tengok refleksi tempoh, kaedah cara saya bekerja ini (mengeluh) boleh pada setahun, saya pun ada ketika beberapa kali yang membawa kepada potensi ke arah *breakdown* [gangguan jiwa] tapi Alhamdulillah sebagai *occupational therapist* [juruterapi carakerja], saya tahu dia punya *risk*

[risiko] dan juga *indicator* [tanda-tanda] dan sebagainya saya boleh handle [mengawal] balik dan ada situasi yang saya *tak* [tidak] boleh *handle* [kawal] tapi *environment* [situasi] itu Allah swt aturkan supaya benda *tu* [itu] saya boleh sabar. Okay.

IM : Soalan yang terakhir bagi mengenai latar belakang, apakah prinsip hidup Dr?

DZK : (mengeluh), prinsip hidup saya, "*Right is right*" [betul itu betul], maknanya saya akan buat benda yang betul walaupun saya tidak *force* [paksa] kata saya yang betul tapi "*I will do what I think would be the right*" [saya akan buat apa yang saya fikir betul] dan "*I will not and avoid from confronting people*" [saya tidak akan dan elakkan daripada berdepan dengan orang] ke sebagainya "*but I will follow my this one, follow my principle which is persistence, consistence and then make sure you are doing the right thing*" [tetapi saya ikut dengan prinsip ini, saya akan ikut prinsip yang mana iaitu kegigihan, konsisten dan kemudian pastikan saya melakukan perkara yang betul] dengan caranyalah.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN

IM : Soalan seterusnya, kita akan pergi ke bahagian dua, sejarah pendidikan, soalan pertama, apakah nama sekolah rendah Dr?

DZK : (ketawa), okay, disebabkan oleh saya daripada kampung yang jauh, (bergurau) kan, *so* [jadi], sekolah saya adalah Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian Satu (ketawa terbahak-bahak bersama penemu bual).

IM : Soalan kedua, adakah terdapat kenangan indah yang tak dapat Dr lupakan sebagai pelajar sekolah rendah?

DZK : Sekolah rendah? Wow!, apa ya, (berfikir sejenak), saya bukan pelajar yang cemerlang semasa sekolah rendah, saya kali pertama terima, dapat hadiah kerana apa ya, *tak* [tidak] ingat (sedang cuba untuk memikirkan), saya sekolah rendah *ni* [ini] saya agaknya budak nakal sebab pada hari kejadian ambil hadiah *tu* [itu] sebelah paginya saya terlibat dalam kemalangan sampai sekarang pun ada parut pada hari penyampaian hadiah tersebut *so* [jadi], kenangan terindah saya masa *tu* [itu] kali pertama terima hadiah darjah lima.

IM : Soalan seterusnya, apakah nama sekolah menengah Dr dan di manakah sekolah tersebut?

DZK : Okay (berdehem). Saya bersekolah di Sekolah Menengah Sains Pengkalan Chepa dan sekolah ini sekolah Menengah Sains Faris Petra dan berada di Pengkalan Chepa.

IM : Soalan seterusnya, pada tahun berapakah Dr menamatkan persekolahan di sekolah menengah?

DZK : Kerana saya muda lagi, saya tamat pada tahun 1986, *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] tahun 1986.

IM : Soalan seterusnya, adakah Dr merupakan pelajar yang aktif di sekolah?

DZK Aktif? Maksud aktif di sini (berfikir), okay, saya sama *jugak* [juga] di sekolah menengah pun saya bukan pelajar yang cemerlang cuma saya aktif macam biasa tapi tidaklah nakal, *budak juruh* [budak baik], bukan juga *kaki masjid* [rajin ke masjid], *so* [jadi] sederhana saja. (ketawa kecil)

IM : Seterusnya, siapakah guru kegemaran Dr?

DZK : Wow!, (mengetuk-mengetuk meja secara perlahan sambil keriang), guru kegemaran? (sedang memikirkan), sekejap, (sedang aktif memikirkan sambil ketawa kecil).

TA : Dr tidak ingat ke? (ketawa kecil)

DZK : Bukan *tak* [tidak] ingat, ada *a few question* [ada sedikit persoalan di fikiran] , *just* [hanya] nak ingat kenapa kan. (jeda sekejap), *frankly* [sejujurnya], saya pelajar sederhana jadi saya *tak* [tidak] fokus

sangatlah, mungkin boleh *start* [mula] kepada (masih berfikir), okay, guru kegemaran, guru apa ya dalam soalan?

IM : **Guru kegemaran.**

DZK : Guru kegemaran? Guru yang saya *respect* [hormati]?

IM DAN TA : **Ya**

DZK : Kalau macam *tu* [itu] saya guna Cikgu Abu Bakar Ibrahim, dia mengajar Geografi, kenapa saya minat dia sebab dia masuk kelas mula-mula sekali, saya ingat dia lukis *dunia* [bumi], lukis dunia *tu* [itu] dengan satu bulatan, satu tangan *tak* [tidak] angkat (ketawa kecil) dan cara dia mengajar pun menariklah.

IM : **Soalan seterusnya, siapakah rakan karib Dr ketika di sekolah?**

DZK : Rakan karib ramai, ada rakan karib yang daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah dan sehingga sekarang pun masih lagi ada selama, nak nama jugak?

IM DAN TA : **Haa, nak [ya].**

DZK : Okay, Jasman Muazzim (ketawa kecil)

IM : **Soalan seterusnya- - (jeda sekejap)**

- DZK : Ramai lagi sebenarnya rakan karib pun tapi saya *tak* [tidak] sebutlah sebab itu yang paling lama sekali kan.
- IM : **Seterusnya, adakah Dr pernah menjadi seorang pengawas atau mempunyai jawatan ketika di sekolah? Jika ya, boleh Dr ceritakan pengalaman Dr menjadi seorang pengawas atau jawatan-jawatan lain.**
- DZK : Okay, saya seperti saya sebut tadi di sekolah menengah bukan pelajar cemerlang dan saya jenis yang masa di sekolah pemalu (ketawa terbahak-bahak), okay dan saya di sekolah dulu jawatan pengawas dan jawatan pengawas perpustakaan sahaja. Itulah
- IM : **Okay, soalan seterusnya, apakah subjek kegemaran di sekolah?**
- DZK : Subjek kegemaran saya di sekolah sebenarnya dari segi minat Fizik, tapi *tak* [tidak] pandai, yang satu lagi minat *English* [bahasa inggeris], pun *tak* [tidak] pandai, pelajar sederhana kan, biasalah tapi dualah maksudnya *English* [bahasa inggeris] dan Fizik sebenarnya saya minat dan *jugak* [juga] Sains.
- IM : **Soalan seterusnya, apakah pencapaian yang pernah Dr peroleh semasa di peringkat sekolah?**
- DZK : Macam mana eh (sedang berfikir), *takda* [tiada] apalah, kan.
- IM : **Seterusnya, apakah cita-cita Dr ketika di sekolah?**

- DZK : Ohh, mesti ada cita-cita, nak jadi doktor lah masa *tu* [itu], kan? (sambil ketawa keriangangan)
- TA : **Saya akan meneruskan mengenai sejarah pendidikan Dr *dekat* [di] universiti *pulak* [pula]. Dimanakah Dr melanjutkan pelajaran setelah *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]?**
- DZK : Okay, di sini yang sebenarnya yang memulakan karier, okay, saya, sebelum saya cerita tentang karier petang ini sebab saya dengan dua keadaan, yang pertama, saya daripada orang miskin seperti saya sebut tadi. Yang kedua adalah situasi yang Tuhan aturkan, (ada bunyi gangguan), ia bermula dengan saya pelajar *Faris* (Sekolah Menengah Dr), dan saya dapat *result* [keputusan] yang agak baik, yang memang saya sedang menunggu keputusan untuk masuk ke matrikulasi dan saya tahu memang saya layak pun, okay, cumanya pada suatu hari di kampung rumah saya ini berdekatan dengan kita panggil gerai surat khabar yang dekat dengan *USM* [Universiti Sains Malaysia] dan pada suatu hari, semasa bermain-main di kawasan situ, ada hamba Allah *ni* [ini] bertanya pada saya “Zul!, *tak mintak* [tidak minta] ke apa peluang tawaran *scholarship* [biasiswa] *ni* [ini] daripada *USM* [Universiti Sains Malaysia]”, lepas *USM* masa *tu* [itu], cerita ini pada tahun 1987, okay. Selepas, maknanya tahun 1987, selepas saya dapat keputusan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] tahun 1986, keputusan dan setelah hantar ke matrikulasi, dan tunggu keputusan matrikulasi. Jadi saya *tak* [tidak] *mintak* [minta] ke apa kita panggil *scholarship* [biasiswa] ke *USM* [Universiti Sains Malaysia] *ni* [ini], masa *tu* [itu] adalah tawaran untuk dapat *scholarship* [biasiswa] sambung ke apa, untuk buat masa *tu* [itu] Jurupulih Perubatan sama dengan jururawat dan sebagainya di kolej. Jadi saya cakap, saya baru nak tengok, seorang hamba Allah “Zul!,

kalau *you* [kamu] *mintak* [minta] dapat aku tabik! Aku jumpa pengarah”. *So* [jadi]. *That is, I know, putting aside value* [itu.. Saya tahu, mengetepikan nilai,] Bunyi kita nampak macam satu cakap yang biadap tapi bagi saya itu adalah benda yang Tuhan nak *bawak* [bawa]. Kita *tak* [tidak] tahu kan? (Sambil melihat kepada penemubual). Saya *tak* [tidak] *kata* [berkata] apa-apa *kat* [kepada] dia, cuma saya tengok, saya *tak* [tidak] *kata* [berkata] apa-apa *kat* [kepada] dia, Alhamdulillah, Tuhan jenis menutup yang ini ke apa maafkan saja lah (tidak mempedulikan) *so* [jadi] saya *tak* [tidak] layan yang dia cakap *tu* [itu] cuma saya tengok dia punya tawaran itu dan syarat dia memang agak rendah, ianya memerlukan kepada C dalam subjek Sains. *So* [jadi] dengan sebab dia sebut macam tu, saya pun *mintaklah* [minta] seorang staff *USM* [Universiti Sains Malaysia] pada masa *tu* [itu] yang menyewa kawasan itu, saya ingat lagi nama dia Zabri/Zamri. “Yi, minta borang”, Alhamdulillah *jugak* [juga] hamba Allah ini memang ambil borang itu, saya *tak* [tidak] payah ambil borang *tu* [itu], dia ambil borang dan serahkan pada saya, saya *isi-isi* [mengisi borang] bagi *kat* [kepada] dia hantar. *Takda effort* [tiada usaha], maknanya mudah-mudah begitu dan sebab apa saya *mintak* [minta] , saya isi borang itu bukan sebab niat nak isi tapi disebabkan ayat hamba Allah tadi kata “Zul!, kalau kau *mintak* [minta] dapat, aku tabik”, dia cukup percaya saya *tak* [tidak] dapat. Saya dapat tahu kemudian dia *tak* [tidak] dapat sebab dia sosial sains, itu memang *tak* [tidak] layak sebab dia nakkan subjek sains, saya kan orang *Faris!* (Sekolah Menengah Faris Petra), cakap besar sikit (ketawa terbahak-bahak). Jadi di situ, saya just *ignore* [tidak memperdulikan] *tak* [tidak] buat apa-apa sehinggalah dia [USM] panggil *interview* [temubual]. Jadi *interview* [temubual] ini adalah, *interview* [temu bual] kali pertama saya hadir pada umur lapan belas tahun, kali pertama dan *tak* [tidak] pernah ada

pengalaman *interview* [temu bual], dan saya juga seperti yang saya sebut tadi, orang yang susah, nak pergi *interview* [temu bual] ini, seluar saya pinjam, kasut saya pinjam, tali pinggang saya pinjam, kemeja saya pinjam, *tie* [tali leher] saya pinjam daripada orang berbeza-beza sebab tidak ada okay, *so* [jadi] pergi *je* [saja], disebabkan oleh, ya lah satunya sebabkan oleh kita *takde* [tiada] apa kita panggil, tidak ada hasrat apa-apa, yang kita berhajat nak jadi doktor dan masuk universiti kan, okay, yang kita dah agak macam mana ya maksudnya *result* [keputusan] kita *tu* [itu] boleh dikatakan baik yang kita boleh rasa *takde* [tiada] masalah untuk masuk universiti pada waktu itu. Okay, dan bila dah hadir pun saya *tak* [tidak] buat *preparation* [persediaan] apa-apa, cuma Tuhan aturkan semasa nak pergi *interview* [temu bual] itu ada kawan tanya “Zul, *mu* [kamu] tahu ke *interview* [temu bual] apa?”. Saya *tak prepare* [bersedia], “*tak* [tidak] tahu”, jahatnya kan tapi ada inisiatif pergi pinjam tu baju semua, lepastu, dia tanya okay Zul, sebab dia tanya tu sebab dia ada jawapan sebab ayah dia bekerja di Hospital Kota Bharu. *So* [jadi] dia kata kerja yang pertama jurupulih anggota tu adalah untuk uruskan tulang patah, dia ada tiga jawatan, satu juru x-ray, jurupulih anggota dan terapi carakerja, satu *interview* [temu bual] ni unuk x-ray, untuk x-ray lah. Yang keduanya jurupulih, jurupulih untuk orang patah *so* [jadi] yang ketiga ni *tak* [tidak] tahu *so* [jadi] saya masuk *interview* [temu bual] tu *tak* [tidak] rasa apa-apa sebab saya *takde intention* [tiada niat] apa-apa kan. Masuk *interview* [temu bual], tapi *interview* [temu bual] terlalu serius sebab di meja itu sepuluh orang *interviewer* [penemu bual]. Memang ramai, saya kira sebab meja besar, saya kira dan *interview* [temu bual] itu juga bukannya main-main sebab dia memang *detail* [terperinci], dia tanyakan tentang *result* [keputusan] dan sebagainya sampai dia kata “Zul, *result* [keputusan] awak bagus kenapa awak

nak *mintak* [minta]?”. Saya cakaplah saya miskin *bla-bla* [dan lain-lain]. Okay, dan *jugak* [juga] dia tanya dalam masa *tu* [itu] bahasa inggeris , “Explain hard function”, masa umur lapan belas tahun, *hard function in english* [jelaskan maksud hard function dalam bahasa inggeris], kan, saya bodoh *English* [bahasa inggeris]. Nanti saya ceritakan macam mana saya *overcome* [atasi] bahasa inggeris saya. Okay, jadi lepas saya ceritakan *explain tentang hard function in english* [terangkan maksud hard function dalam bahasa inggeris]. Penemu bual berkata *so* [jadi] “Zul, *which one you choose, physiotherapy or occupational therapy* [yang mana kamu pilih, fisioterapi atau juruterapi carakerja]?”. Itulah kali pertama saya dengar perkataan tersebut sebab saya *tak* [tidak] reti nak sebut pun perkataan tersebut. Dan Tuhan bagi ini, *the second one* [yang kedua], keluar saja, *the second one* [yang kedua]. *So* [jadi] dia tanya “ *So what is the difference* [jadi apa perbezaannya]?”, *tak prepare* [tidak bersedia] apa-apa, saya cakap *the first one is something to do with exercise injured patients, injured people, the second one I know nothing* [yang pertama ialah berkaitan senaman kepada pesakit, yang kedua saya langsung tidak tahu]. Kan, okay, *well I* [baik, saya] *tak* [tidak] rasa apa-apa sebab tidak ada, Tuhan jaga masa itu yang sebab tidak ada *expectation* [harapan] apa-apa, otak kita masa itu, doktor dan nak masuk universiti, kan , *so* [jadi] yang ini *just* [hanya] main-main. Okay, dan saya pun lepas *interview* [temubual] *tu tak* [itu tidak] bincang apa-apa balik, *tak* [tidak] peduli apa-apa, okay, seronok kan? Okay, serius lah masa tu, *so* [jadi] macam mana budak ni umur lapan belas tahun cakap macam bukan main *confident* [yakin] kan dan *explain English* [terangkan dalam bahasa inggeris] dan lepastu yang saya fikir kemudian kenapa dia, walaupun saya kata “*I know nothing*” [saya tidak tahu apa-apa] itu dia boleh terima, *bila interview* [apabila temu bual], sepatutnya cari

lah kan kenapa boleh *know nothing* [tidak tahu apa-apa], eh budak ni ikhlas sebab pada tahun 87', *occupational therapy* [juruterapi carakerja] ini orang *tak* [tidak] faham pun sekarang pun terapi carakerja *ni* [ini] masih lagi orang keliru *so* [jadi] budak *ni* [ini] ikhlas sebab isu dia *tak* [tidak] tahu apa-apa, sebab kami pun *interview* [temu bual] *tak* [tidak] tahu. Ini pun apa yang saya nampak sekarang. Okay, *one of the reason* [salah satu sebab] ,okay *takpe* [tidak apa], *so* [jadi] soalan tadi peringkat apa, di mana Dr belajar kan ,*so* [jadi], di situ. *So* [jadi], daripada situ, saya dan lepas beberapa *interview* [temu bual] itu, saya terima surat untuk sambung buat matrikulasi di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], *interview UKM* [temubual Universiti Kebangsaan Malaysia] di sekolah yang *Faris* [sekolah menengah] *jugak* [juga], sekolah yang sama, *so* [jadi] saya pergi Faris, *tak* [tidak] peduli apa dah ini, *tak* [tidak] peduli *dah* [sudah] apa yang *interview* [tembual] ini sebab *takde* [tiada] dalam fikiran pun sehinggalah pada suatu hari di sana masa duduk *kat* [dekat] *Faris* [sekolah menengah] itu, sampai satu surat kakak hantar, “Zul!, kalau nak tawaran pada *interview* [temubual] dulu baliklah!”*so*[jadi], saya pun balik dan saya dapatlah surat itu yang mengatakan “anda boleh belajar, ditawarkan untuk *scholarship* [basiswa] belajar di kolej *occupational therapy* [terapi carakerja] *masa tu* [semasa itu] di Hospital Kuala Lumpur dengan bayaran *allowance* [elaun] di tanggung semua dan kalau tamat pengajian boleh balik kerja *USM* [Universiti Sains Malaysia]”. Okay, pada masa tersebut saya pergi belajar universiti ijazah di sini hanya peringkat sijil dan bekerja, okay, *so* [jadi] pada masa itu saya memang dilema, ini yang saya cerita lebih sikit supaya nak ceritakan betapa maklumat yang saya rasa pengalaman hidup yang menyebabkan saya proses kematangan lah. Bila dapat terima ini, saya pilih nak pergi sana ataupun kekalkan di universiti nak di *UKM*

[Universiti Kebangsaan Malaysia], kalau saya dan saya pergi jumpa dengan penolong kanan di sekolah masa tu dan nak cakap secara *constructive* [membina] nya dapat mendapat maklumat yang cara baik *tak* [tidak] dapat yang ni “Cikgu, saya dapat tawaran ini, boleh *tak* [tidak] nasihat?”. Cikgu kata “ Oh Zul, ini masa depan awak, awak fikir sendiri” *which is* [yang mana] daripada soalan Cikgu penolong kanan patutnya nasihat yang lebih *constructive* [membina] lah kan *so* [jadi] disebabkan nasihat tersebut saya beberapa berfikir, sekarang saya nak masuk-, masa itu saya miskin, saya tahu miskin dan pada masa tu *jugak* [juga] isu 80’, tahun 87’ ini, tahun 87’ kan matrik? (sedang berfikir), ha betul 87’ (masih berfikir), betul!, dalam bulan tujuh, bulan lapan, masa bulan sembilan macam itu, dalam bulan sembilan, betul dan masa itu *jugak* [juga] universiti telah mula bagitahu bahawa tiada lagi *scholarship* [biasiswa], dia masalah ekonomi kan *so* [jadi] kerajaan kata *takde scholarship* [tiada biasiswa] dan sebagainya dan saya bimbang takut pergi universiti, tiada kemampuan, *so because of that reason* [jadi,oleh kerana sebab itu], saya *ambik* [ambil] keputusan dengan sedikit istikharah balik, tinggalkan *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] ambik pengajian [kurang jelas] ni *so* [jadi] saya datang dan terima benda ini atas dasar pengajian ditangguh tamat pengajian balik kerja di universiti, *USM* [Universiti Sains Malaysia] depan rumah disebabkan perkara tersebut, tapi pihak kawan-kawan yang *educated* [berpendidikan] yang *family* [keluarga] yang berpelajaran sebut “ Zul, *you are taking a big punya way because* [kamu mengambil jalan besar sebab] ini taraf diploma taraf sijil, tidak ada *way forward* [jalan kedepan] kalau universiti ijazah lain dia punya keadaan dia, okay, *well* [baiklah] masa itu saya fikir untuk selesaikan masalah keluarga belajar dan saya *tak* [tidak] membebankan keluarga yang miskin kan *so* [jadi] terima. *Alright* [Baik], *so* [jadi] Alhamdulillah, dari segi belajar sana

memang mencabarlah sebab saya belajar walaupun bunyi sijil juruperubatan, dia punya *content* [isi] tu *very detail* [sangat terperinci] sebab dia punya *medical* [perubatan], dia belajar *occupational therapy* [juruterapi carakerja] ini dia punya kursus adalah tentang *medical* [perubatan] seperti *first year, second year, third year, anatomy, physiology* [tahun pertama, tahun kedua, tahun ketiga, anatomi, fisiologi] semua belajar, *neuro-* [neurologi] apa semua belajar dan kita pun main dengan mayat dan sebagainya. *So* [jadi], kalau *medical* [perubatan] belajar tiga tahun untuk tahap dia ada lima tahun, tiga tahun untuk benda itu *so* [jadi] kami ini belajar dalam tempoh setahun pertama untuk belajar *anatomy physiology* [anatomi fisiologi] itu sebab *second year* [tahun kedua] dah masuk kepada *applied* [diaplikasikan] yang berkenaan dengan kami kan, dan memang *stress* [tertekan], belajar pun dalam bahasa inggeris, saya bodoh bahasa inggeris, dan memang mencabar dan peringkat itu *jugak* [juga] sekadar untuk berkongsi sebabkan takut *fail* [gagal], sebab *kalu* [kalau] *fail, no future* [gagal, tiada masa depan]. Dia *takde* [tiada] *dah* [sudah] benda lain nak buat sebab sijil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *kalu* [kalau] ada pun. *So* [jadi], *in order to avoid* [untuk hindari] daripada *kalu* [kalau] *fail takde* [gagal tiada] benda ini, saya masa tahun yang pertama nak *final year tu* [tahun terakhir itu], bukan *final year* [tahun terakhir], *second semester* [semester kedua], *second exam tu* [ujian kedua itu] saya dah *apply* [isi] borang *SPA* [Suruhanjaya Perkhidmatan Awam], semua peluang pekerjaan dengan sijil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya *mintak* [minta], pada tahun itu, takut. Okay, jadi saya balik semula kepada isu walaupun dia *English* [bahasa inggeris] susah, kan sebab semua nota *in English* [dalam bahasa inggeris], saya *pulak* [pula] setiap perkataan saya kena rujuk *dictionary* [kamus], *tak* [tidak] reti bahasa inggeris *so* [jadi] sebenarnya bahasa inggeris di sekolah pun masih

lagi saya lemah, *so* [jadi] apa yang saya buat, *in order untuk improve* [untuk tambah baik] *English* [bahasa inggeris] saya, dan itu sebabkan *bila explain* [apabila terangkan] dalam masa interview [temu bual] itu boleh *explain* [terangkan] bahasa inggeris “hard function” dalam *English* [bahasa inggeris] sebab daripada lepas sekolah menengah lagi saya dah pergi belajar kelas *English* [bahasa inggeris]. *English* [bahasa inggeris] tuisyen [tidak jelas] dengan di sekolah perdagangan di Kota Bharu. Sama *jugak* [juga], semasa belajar di kolej ini, saya *ambik* [ambil] kelas malam untuk bahasa inggeris *in order untuk overcome that* [supaya dapat atasi], okay, *so* [jadi] Alhamdulillah *first year result* [keputusan tahun pertama] apa kita panggil, *pass* [lulus] okay *takde* [tiada] masalah penuh *takde repeat paper* [tiada pengulangan] dan sebagainya, *second year* [tahun kedua] pun *pass* [lulus], *third year* [tahun ketiga] pun *pass* [lulus] dan luluslah tanpa ada masalah apa-apa, Alhamdulillah. *So* [jadi], dan Tuhan uji, Tuhan nak uji saya, semasa hari terakhir saya dapat *result* [keputusan], saya dah telefon ke *USM* [Universiti Sains Malaysia], “Zul, saya dah dapat *dah* [sudah] keputusan ini, kamu lulus, *takpelah you* [tidak apa kamu] boleh balik dan lapor diri”. *Result* [keputusan] saya pada 30 hari bulan keluar yang lulus semua sekali, 1 hari bulan November saya dah lapor diri di *USM* [Universiti Sains Malaysia]. - - [tidak jelas], *so* [jadi], tidak ada dalam sistem lain yang mana kalau kita nak lapor diri dan sebagainya ambil masa tiga bulan, *so* [jadi], itulah rezeki pada saya tapi sebelum saya balik, *register* [daftar] esok nya itu, malam itu saya berjalan dekat Dataran Merdeka dan Tuhan uji saya, jumpa dengan kawan yang hamba Allah yang nak tabik tadi, (buat muka terkejut), “Zul, buat apa kat sini?”, tabik lah tabik dalam hati, suruh tabik lah, tabik (ketawa terbahak-bahak) kan, saya kata jangan, jangan riak kan masa itu, *so* [jadi] saya memang *tak* [tidak] suruh

tabik cuma saya cerita dekat dia, “Oh yalah, yang *kalu* [kalau] ingat aku, yang suruh aku *mintak* [minta] dulu, dapat dah, *dah lulus dah* [sudah lulus], esok pergi kerja”, *tak* [tidak] suruh tabik, Alhamdulillah kut *maybe* [mungkin] dengan cara itu terjaga lah [hati] saya kan, Alhamdulillah, *so* [jadi] begitulah permulaannya tapi itu sebenarnya adalah walaupun berjaya, tapi adalah satu permulaan kepada satu cabaran baru. Okay, seperti yang saya sebut tadi, ialah walaupun saya bukan pelajar cemerlang, tapi saya punya apa kita panggil pemikiran “wallahuallah” Tuhan bagi apa semua ini dan saya minat untuk belajar, okay, jadi, nak jadi cerita, saya balik kerja itu, ini pendidikan kan? Saya cerita macam ini untuk dapatkan sebab nakkan *point* [isi] inspirasi kan? Seperti kawan-kawan saya semua dah sebut, kita diploma, *that’s it* [itu sahaja], okay, *you need to do degree in order to move forward* [kamu kena sambung ijazah untuk maju ke hadapan] kan? Okay, jadi cerita tahun 90’ ini, okay, umur berapa pada tahun 90’? Dah lahir ke?

IM : **Tak lahir lagi**

DZK : Tak lahir lagi (ketawa), Masha Allah tua nya saya!, okay *takpe lah* [tidak apa] (penemu bual dan tokoh ketawa bersama), hati muda lagi, okay, jadi bila saya lapor diri saya cari bos saya, saya kata saya muda lagi, saya baru habis belajar, bayangkan, sakit hati tak hari pertama lapor diri dah cakap nak sambung belajar dan bos saya cakap pun, “Saya *tak* [tidak] lepas awak, *takde* [tiada] pengganti”, barulah saya sedar bahawanya sayalah *ulti* [utama] *occupational therapist* [juruterapi carakerja] yang pertama di Hospital *USM* [Universiti Sains Malaysia] local [tempatan], yang ada pada masa itu adalah *expatriate* [perantau] daripada India yang bekerja dan sebab itu jugalah baru saya tahu *recheck* [periksa] balik kenapa jawapan

saya yang saya kata *what is OT* [apa itu occupational therapy], yang saya cakap "*I know nothing tu*" [tidak tahu apa-apa], sebab orang *tak* [tidak] tahu pun sama *jugak* [juga], okay, *so* [jadi], di sinilah cabaran yang saya nampak *bila* [apabila] saya kerja sebagai jurupulih di hospital, kerja menyeronokkan sebab saya bantu orang *OKU* [Orang Kurang Upaya] yang lemah semua, tapi dari segi untuk ijazah, kenaikan pangkat itu, saya *tak* [tidal]-, apa kita panggil, peluang tu *takde* [tiada]. *So* [jadi], daripada *first day* [hari pertama] di situ saya telah cari peluang untuk sambung belajar, pada masa tahun 90', tidak ada program ijazah dalam Malaysia yang menawarkan pengajian ijazah untuk *occupational therapy* [juruterapi carakerja]. Saya tidak ada cara lain kecuali saya kena cari peluang untuk sambung belajar luar negara *which is requires scholarship* [memerlukan biasiswa] dan kebanyakan *scholarship* [biasiswa] untuk sambung belajar *first degree* [ijazah pertama] bukan daripada diploma kepada ijazah, *so* [jadi] peluang *takde* [tiada], cari-cari peluang sehinggalah kepada *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] nak *offer* [tawarkan] pun saya pergi *interview* [temubual], itu saya saya cerita lagi banyaklah cabaran-cabaran itu cari peluang untuk sambung belajar. Dan bagaimanapun, Tuhan atur, dan *USM* [Universiti Sains Malaysia] pun nak *bukak* [buka] pusat pengajian sains kesihatan pada masa itu, ini cerita tahun 97', 98'. Tetapi, cerita perancangan tidak tahu, sehinggakan saya minta nasihat daripada pentadbir hospital masa itu, "Tuan Haji, macam mana potensi untuk pusat pengajian ini nak *bukak* [buka] ini?". Kan, sebab saya nak sambung belajar, nak cari peluang sambung belajar, "Zul" dia kata, ayat yang sebenarnya nak kata ikhlas itu tapi maknanya ayat yang tidak memberi motivasi, "Zul, nampak awan?", nampak [Dr Zul jawab], "Boleh pegang? ", *tak* [tidak] boleh [Dr Zul jawab], tapi itulah dia kata pusat pengajian sains kesihatan, nampak *tak* [tidak]?

So [jadi] makna ayat-ayat itu yang menyebabkan kita kalau ada orang motivasi pun, dia *down* [sedih], dia *tak* [tidak] bagi harapan. Tapi Alhamdulillah, Tuhan mengekalkan saya dan saya teruskan cari peluang sehinggalah dekan kali pertama dilantik pada tahun 1999 untuk pusat pengajian ini. Okay, dan saya pergi *interview UiTM* [temubual Universiti Teknologi MARA], masa itu *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] lah universiti pertama yang nak *bukak* [buka] program diploma untuk *occupational therapy* [juruterapi carakerja] yang ada tawaran *scholarship* [basiswa] sambung belajar, okay, saya kejar yang itu dan sebab saya *tak* [tidak] ramai calon, *so* [jadi] dia kata “Zul, dapat, dapat cuma surat *tak* [tidak] keluar”. Saya pun sakit hati juga kenapa *tak* [tidak] keluar *dah* [sudah] dapat, dapat kan?, tapi itulah Tuhan, dia aturkan kita, *so bila* [jadi apabila] dekan dilantik, dan jumpa dekan baru yang *USM* [Universiti Sains Malaysia] ni, oh bukan, ada satu lagi *stop* [hentian] yang penting lagi cabaran, sebelum dilantik ini, apabila dah di sana kata nak dapat, tunggu surat keluar sahaja, timbul pulak perasaan, okay, *USM* [Universiti Sains Malaysia] dah nak *bukak* [buka], belum ada lagi apa- (jeda sekejap), betul eh, betul (sedang berfikir), dah nak buka tapi tawaran nak boleh, *so* [jadi], saya jadi serba salah pula, kalau saya dapat tawaran *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], pergi ke *KL* (Kuala Lumpur), macam mana situasi di sana, saya *stress* [tertekan] masa itu, *so* [jadi] saya terpaksa ambik satu hari dua jam, di rumah saya buat satu analisis yang mana *pros and cons* [kelebihan dan kekurangan], kalau saya ambil apa kita panggil, *scholarship* [basiswa] *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], apa *pros* [kelebihan] dia, apa *cons* [kekurangan] dia, kalau saya *stay* [tetap] di sini *USM* [Universiti Sains Malaysia], walaupun pusat pengajian kesihatan *tak* [tidak] buat, apa *pros* [kelebihan] *and cons* [dan kekurangan] sebab saya nak cari peluang belajar. *Bila* [apabila] saya

tengok, *bila* [apabila] saya pergi, apabila saya terima scholarship UiTM [Universiti Teknologi MARA], saya pindah ke sana, kan, *yes* [ya], saya dapat apa yang saya nak untuk nak sambung belajar tetapi dari segi kehidupan di *KL* [Kuala Lumpur], bayangkan lah Shah Alam dan apa semua kan, *so* [jadi] kualiti hidup dia akan jadi *struggle* [susah], *so* [jadi], tapi kalau saya tunggu dekat *USM* [Universiti Sains Malaysia], kalau jadi Alhamdulillah, kalau *tak* [tidak] jadi, *I am at the square one* [kembali ke titik asal balik], *tak* [tidak] ubah apa-apa dan satu lagi benda masa tu dalam fikiran [tak jelas] saya sebab saya, hospital *USM* [Universiti Sains Malaysia], mak saya masih lagi ada pada masa itu, *so* [jadi] kata dan dia *jugak* [juga] saya boleh jaga kebajikan mak saya untuk hospital percuma pada masa itu, nantilah, okay, *so* [jadi] apabila macam itu, saya *sacrifice* [korbankan], saya *stay* [kekal] (ketukan meja). Alhamdulillah lepas itu dekan lantik, saya *gi* [pergi] jumpa di sana, *takda* [tiada] masalah lah kan, dan barulah dapat surat daripada *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], Tuhan atur, *so bila* [jadi apabila] pergi, dekan dah ada perancangan nak buka *OT* [Occupational Therapy] di sini. *So* [jadi] barulah dapat surat, apabila dapat surat, *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] jumpa dengan dia, “Prof, saya dapat surat *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] ini, nak terima ke *tak* [tidak] terima?”. “Tak Zul, *you stay* [kamu kekal], saya bantu *you by hook by crook* [apa jua situasi] untuk sambung belajar”. Okay, *so* [jadi] nampak *tak* [tidak] di situ sebab Tuhan atur, jadi hasrat saya untuk sambung belajar bawah *USM* [Universiti Sains Malaysia], dapat, dia akan diusahakan walaupun saya *tak* [tidak] pergi ke Kuala Lumpur, kan. Okay, Alhamdulillah, *so* [jadi] pada tahun, tapi bukan mudah, saya mula kerja pada tahun 90’ tawaran itu dapat pada tahun 2000, tahun 2000 baru saya boleh peluang untuk sambung belajar selepas sepuluh tahun saya kerja

hospital, nak cari peluang. Dan *that is the reason* [itulah sebab] yang saya sebut tadi masa nak sambung belajar inilah yang banyak orang ini, sebab kalau nak cerita lagi, okay, saya cerita lah sedikit lagi sebab *point-point* [isi-isi] penting sebab saya terlalu melihat kepada macam mana untuk perkembangan diri, nak sambung belajar sepuluh tahun ini, nak sambung belajar *tak* [tidak] boleh, *takda* [tiada] peluang, okay, sampai ada satu professor *kat* [di] USM,”Zul, *you* [kamu] dah tak [tidak] boleh harapkan apa *occupational therapy* [juruterapi carakerja], *you* [kamu] kena tukar bidang”. So [jadi], pada tahun tersebut, tahun 95’, 97, saya tidak ingat, *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] buka program ijazah untuk *speech therapy* [terapi pertuturan] yang pertama dan dia buka saluran kedua, okay, dan saya, jadi saya *tak* [tidak] perasan benda itu, kawan telefon, dalam pukul tiga *tak* [tidak] silap saya, petang, “Zul, *tak* [tidak] mintak ke, *tak* [tidak] pohon ke saluran kedua untuk speech therapy UKM?”. “Uishh, *tak* [tidak] tahu lah “, bila tutup?”, “esok”. “Oh esok eh, okay, beres”. Apa saya buat, petang itu saya fotokopi semua sijil-sijil saya, panggil kawan, datang rumah, cop, sahkan malam itu saya naik bas pergi Kuala Lumpur. Kan, isi borang, Tuhan uji lagi, naik bas, masa itu, bas budaya, *tak* [tidak] kenal kut, (ketawa), *takde* [tiada] *dah* [sudah] sekarang, bas budaya ini bas buruk, sebab tiket dah habis, *last minute* [minit terakhir]. Sampai dekat Gua Musang, bas rosak, saya terpaksa naik lori untuk ke Kuala Lumpur dan kebetulan ada sorang lagi kawan yang naik bas sekali yang sampai *jugak* [juga] esok bekerja, pergi dengan dia sama-sama, dan Alhamdulillah kawan ini juga kerja *somewhere* [berdekatan] *kat* [di] Bangi yang hantar saya ke Bangi, *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] untuk isi borang, nampak Tuhan dah atur, ujian, *tak* [tidak] uji *tak* [tidak] ini kan. So [jadi] kalau kira dah cabaran sesetengah orang nampak , oh ujian *tak power* [tidak

hebat] kan, sebenarnya tidak, bila ada ujian, sepatutnya *you* [kamu] perasan [tak jelas] ada hikmahnya, sabar, apabila pegi isi borang, selalunya isi borang je kan?, ini ada pulak kena buat karangan dalam bahasa inggeris, “*Why you think you are the right person untuk apply this untuk speech therapy*” [kenapa kamu fikir kamu adalah orang yang terbaik untuk terapi pertuturan ini?]. Pelik lah pula, saya dah mengantuk apa semua, kertas pun *tak bawak* [tidak bawa], fail saja, carilah ini, nasib baik bawa pen. Buat keluar ada fail, adalah kertas, *draft* [lakar] lah situ atas kerusi, *takde* [tiada] meja kan, siap hantar. *Alright* [baiklah], nampak, *so then* [jadi kemudian] hantar, tunggu, dia panggil *interview* [temubual], saya pergi *interview* [temubual], dipanggil dan ditawarkan tawaran untuk sambung belajar untuk *speech therapy* [terapi pertuturan], kan, saya masa itu staff, kerja di *USM* [Universiti Sains Malaysia], *so* [jadi], biasalah pergi lah jumpa ketua jabatan. “Tuan, saya dapat tawaran untuk sambung belajar”. *Right and then* [secara terang-terangan], “Zul, *tak* [tidak] lepas, awak tidak ikut saluran yang betul”. *So* [jadi], tertutuplah punca, nampak, bukan senang nak sambung [tidak jelas], okay, ikhtiar lah lagi nak sambung belajar dan sebagainya bagi sehinggalah Tuhan bagi yang isu tadi, yang untuk sambung belajar apa kita panggil ulti yang pergi dekat, yang itu dapat di University of Teeside, UK [United Kingdom]. Kita pergi yang itu, okay, *so* [jadi] pergi, dan pergi UK tu adalah kita panggil bawah *degree* [ijazah], convention degree selepas setahun saya balik, okay sebab dia convention degree *based on* [berdasarkan kepada] pengalaman, kita buat *thesis project* [projek tesis], lepas, balik. Lepastu, Alhamdulillah *jugak* [juga] lagi, saya kena sambung *master* [sarjana], *so* saya *apply* [memohon], sambung *master* [sarjana], apa kita panggil di Australia dan balik 2004, lepas 2007, masuk *PhD* [doktor falsafah]. Itulah.

- TA : **Okay, boleh Dr ceritakan cabaran ketika menjadi mahasiswa ketika belajar di luar negara?**
- DZK : (bersorak kecil keriangkan sambil mencebik mulut), Okay, nombor satu, saya, seperti yang saya sebut tadi Alhamdulillah, saya adalah kira macam belajar luar negara ini banyak *experience* [pengalaman] lah sebab saya belajar di *UK* [United Kingdom], saya belajar *master* [sarjana] di Australia, *PhD* [doktor falsafah] *jugak* [juga] di Australia. Dan *PhD* [doktor falsafah] dan *master* [sarjana] ini di *university* [universiti] yang sama iaitu University of Queensland. Okay, *so* [jadi] maknanya sebab belajar luar negara ini bukan satu perkara yang mudah, bukan, dan persiapan pun bukan perkara senang, dan macam saya yang pergi *first degree* [ijazah pertama] yang mula-mula itu pun, bukannya satu benda yang dirancang, okay Zul, dapat tawaran, *you* [kamu] ada masa tiga bulan untuk *prepare* [rancang], sebenarnya Zul in shaa Allah kita *apply* [memohon], mungkin berjaya mungkin tidak, tapi keputusan dia saya kena lapor diri *by* [dari] December 2000-, December? (sedang berfikir), *tak-tak* [tidak-tidak], September 2000, tapi surat itu kelulusan datang itu mungkin dalam bulan 7, bulan 8, kalau dapat kalau berjaya, okay, *so* [jadi] biasanya kita akan tunggu dulu kelulusan baru kita ambil tindakan, okay, dalam kes ini, *takyah* [tidak perlu] tunggu keputusan, kita *prepare* [sediakan] dulu semua dokumen yang *takde* [tiada], *so* [jadi] saya *prepare passport* [sediakan pasport] , *bla-bla* [lain-lain] semua itu dan cumanya pakaian *tak prepare* [tidak sediakan] lah sebab kena ada duit kan nak *prepare* [sediakan] itu, *passport* [pasport] utama *so* [jadi] Alhamdulillah, sebab *passport* [pasport] itu yang *proceed* [teruskan] zaman dulu lama nak dapat, 2,3 bulan *jugak* [juga] .*So* [jadi} saya

buat *passport* [pasport] dulu, *so* [jadi] Alhamdulillah dapat surat dalam masa dua minggu, dapat surat *now* [sekarang] pergi *register* [daftar], okay, *so* [jadi] saya *prepare* [bersedia] begitu, *so* [jadi] pengalaman yang pertama mencabar dan (ketawa), okay, *UK* [United Kingdom], saya seronoknya sebabkan berlaku dalam, berlaku perkara yang menyeronokkan, *UK* [United Kingdom] dia punya beza lapan jam, okay, *so* [jadi], *jetlag* [mabuk pesawat] tu kuat dan tak biasa pergi *overseas* [luar negara], kali pertama pergi dah lah sejuk. Pengalaman pertama sampai di *airport* [lapangan terbang], cahaya panas, kan, masa tu *winter* [musim sejuk], dalam bulan, tak ingat bulan dua belas ke eh (sedang berfikir sambil mengetuk meja), bulan dua belas, ya bulan dua belas- kan, *so* [jadi], maknanya bila sampai *airport* [lapangan terbang] tu masa tu *winter* [musim sejuk] tapi ada cahaya, kali pertama (tidak jelas) kan, pokok-pokok tersebut *takde* [tiada] dah [sudah] daun ini, *Dah* [sudah] nampak cahaya, nampak panas *so* [jadi] kita pun *gi* [pergi] *kat* [ke] pintu *airport* [lapangan terbang] keluar kan dengan baju biasa *pulak* [pula] itu. (membuat bunyi angin) *mari* [datang] sejuk macam peti sejuk yang kita, dekat yang *freezer* [peti sejuk beku] itu, keluar angin itu sejuk (membuat bunyi menunjukkan kesejukan) lari, orang kampung *darat* [bodoh/dungu] kan, “kenapa sejuk ini”, baru tahu *winter* [musim sejuk] kan. *Pastu* [selepas itu], pakai-pakai dan pergi, okay, itu kali pertama, yang kedua, kenangan pertama lah, yang kedua pergi balik rumah ni, kita sampai-sampai rumah kawan itu, yang menumpang pukul dua pagi kita masak nasi goreng sebab di Malaysia baru dalam pukul dua belas tengahari jadi hamba Allah ini *dah* [sudah] lah sibuk nak belajar, pukul dua masak lagi jadi berbau, rumah dua tingkat, berbau turun (ketawa) mengganggu dia (mengetuk meja), (tidak jelas), rumah di *UK* [United Kingdom] *kecik* [kecil], maknanya dia *tak* [tidak], dia bukan, sebab dia rumah,

macam kita *terbukak* [terbuka] kan, *so* [jadi] rumah di *UK* [United Kingdom] memang sejuk, dia, memang dia pegang supaya tak keluar udara *so* [jadi] bila masak memang nampak semua lah kan, itu yang kedua, yang ketiga, kita mengantuk kan, tidur dia ada *heater* [pemanas] masa itu. Jadi tidur sebab rumah *kecik* [kecil], kita tidur ruang tamu ada *heater* [pemanas], satu malam tu saya *bawak* [bawa] *comforter* [selimut tebal] saya, *comforter* [selimut tebal] itu terkena dekat *heater* [pemanas] itu. Terbakar! Nasib baik *sedar* [terbangun] (ketawa), kalau tidak terbakar, dari segi *story* [cerita] yang nak kata mencabar itu *tak* [tidak] mencabar tapi itulah sebab nak pergi kali pertama itu yang *jetlag* [mabuk pesawat] apa semua kan, okay, tapi *bila* [apabila] pergi yang Australia kali yang kedua, kita dah biasa, kita dah *understand* [faham] apa semua, *so* [jadi] *tak* [tidak] masalah lah. *Indeed* [sesungguhnya], sebab saya pun di *UK* [United Kingdom] Alhamdulillah Tuhan dah atur, dia kawasan perumahan sewa tu dekat dengan universiti, *walking distance* [jarak berjalan kaki] *so* [jadi] saya tak guna duit kenderaan *so* [jadi] kos pun *tak* [tidak] banyak lah. Tapi bila pergi Australia, saya nampak *university* [universiti] dengan rumah itu jauh, *so* [jadi] nak kena ada *transport* [kenderaan], *so* [jadi] nak kena beli kereta dan sebagainya lah, sekolah anak dan sebagainya, okay, *so* [jadi] *bila* [apabila] pergi ke sana untuk *master* [sarjana] tu dan *master* [sarjana] saya sebenarnya agak mencabar sebab *master* [sarjana] itu ditawarkan tiga semester, dia *master coursework* [kerja kursus] tapi ada komponen *research* [kajian], ada projek dan saya *pulak* [pula] nak kena kejar sebab saya perlu belajar *master* [sarjana] itu dalam umur tiga puluh berapa *dah* [sudah], tiga puluh lebih dan hajat saya nak untuk *PhD* [doktor falsafah], saya kena habiskan tamat sebelum umur empat puluh satu kan, untuk membolehkan saya buat itu, *so* [jadi] saya nak kena cepatkan, *so* [jadi] apa yang saya buat adalah,

untuk tiga semester ni saya *dah prepare* [sudah bersedia], *so* [jadi] saya *dah turn* [sudah tukar] (tidak jelas) awal untuk menjimatkan (tidak jelas), okay, semester yang pertama, dia ada *coursework*, *master* [kerja kursus] dia panggil metodologi *course* [kursus], apa *research method* [kaedah kajian], diakhir hujung *research method* [kaedah kajian] ini dia ada satu , dia punya ini adalah *produce a proposal* [menghasilkan cadangan] untuk *research* [kajian] yang dia *implement* [melaksanakan] *second semester* [semester kedua]. Okay, yang *third semester* [semester ketiga] itu *reports* [laporan-laporan]. Okay, apa yang saya buat adalah, untuk *research method* [kaedah kajian] ini, orang lain di akhir itu *propose* [mencadangkan], saya *dah* awal ini saya pergi *dah* [sudah] jumpa, saya *dah* [sudah] buat *proposal* [cadangan]. Okay, dia *approve* [terima], saya terus buat apa data *collection* [pengumpulan data] dan sebagainya masa cuti semester tu saya *dah* [sudah] buat data analisis, semester kedua terus *writing* [penulisan]. *So* [jadi], walaupun tiga semester, saya tamatkan, saya daftar apa *master* [sarjana] tu dalam bulan 27 something awal *mid March* [pertengahan bulan mac] dan saya *graduation* [graduasi] 18 Disember pada tahun yang sama. Tapi, masa itu juga *in order* [bagi] untuk capai tersebut sebab bukan itu saja, ada *course-course* [kursus-kursus] lain lagi, saya apa, belajar daripada 8 pagi di universiti, 8.30 pagi sehingga pukul 10 malam tiap-tiap hari termasuk hari minggu. *Alright* [baiklah], okay, bukan senang lah *in order* [bagi] cipta, *so* [jadi] Alhamdulillah saya lulus, cemerlang *bla-bla* [lain-lain] dan seterusnya *PhD* [doktor falsafah] pada 2007. Okay, begitu, *so* [jadi] itu cabaran belajar. Cabaran lagi? Ada satu lagi cabaran di *UK* [United Kingdom], satu lagi?

- TA** : **(mengangguk)**
- DZK** : Nak dengar sangat!, okay, itu saya kata, *so* [jadi], masa saya pergi buat apa ijazah di *UK* [United Kingdom], *September Eleven* [tragedi 11 September 2001], kan, *September Eleven 2000*- tahu tak cerita 11 September ni? Yang kapal terbang *tempuh* [langgar] World Trade Centre tu. (jeda sekejap). Tak tahu?
- TA** : **Pernah dengar, tapi tak[tidak] detail [terperinci] sangat.**
- DZK** : *Tak*[tidak] *detail* [terperinci] sangat eh?
- TA** : **Ha [ya] (mengangguk)**
- DZK** : Okay, pada masa itu adalah Al-qaeda, sebelum pada diserang Afghanistan itu, 2001 umur berapa?
- IM** : **(menggoyang kepala)**
- DZK** : Takde lagi? Allahu Akbar, *bokali* [barangkali] (tidak jelas), *dah* [sudah] kena dua kali aku ini *dah* [sudah] tua, Allah Akbar!
- IM** : **2002**
- DZK** : Eh 2002!, baru ini saya pergi *UK* [United Kingdom], sama-sama lah, saya jumpa dengan ini, saya pakai topi '*michigan*' anak saya, '*Oh, are you studying in Michigan?*' [adakah awak belajar di Michigan?]

dia kata. “*No, my son*” [tidak, anak saya], “*Okay, is this your first time in* [adakah ini pertama kali kamu di] *UK* [United Kingdom]?”, dia tanya saya. Saya kata “*No, second time*” [tidak kali kedua] yang masa *first time to 2000* [pertama kali ke 2000], *around 2002* [keliling 2002]- semasa *September Eleven*. “*September Eleven?*” [11 september], itulah “*World Trade Centre*”. “*Oh!, already in the history world?*” [sudah tertera di dalam sejarah dunia]. Sejarah (ketawa), sama (ketawa), sejarah, okay *tak pelah* [tidak apalah], yang itu sebab pengalaman takut sebab apabila berlaku serangan islam, kami orang islam di sana jadi target, *so* [jadi] memang inilah (tidak jelas kerana terdapat bunyi), sebab *tak pelah* [tidak apalah] itu cerita, makna kehidupan di sana bukan senang termasuk lah *jugak* [juga] isu-isu tadi, belum masuk isu makanan, cuma saya cerita tadi dalam *perspective of education* [perspektif pendidikan], untuk melihat cabaran itu sebab *that is inspiration* [itu adalah inspirasi]. Okay, yang *master* [sarjana] cabarannya adalah saya percepatkan *master* [sarjana] daripada tiga semester kepada dua, tapi *sacrifice* [berkorban] belajar pagi sampai malam (ada gangguan bunyi). Okay, *so* [jadi] semasa di sana itu kehidupan susahlah memang sebab belajar luar negara, *scholarship* [biasiswa] *kecik* [sedikit], (ada gangguan bunyi), masuk ke tahun 2007, bila habis dia bagi ini, saya terpaksa kerja *part time* [sambilan], *in order* [supaya] untuk *support* [tanggung]. Okay, *so* [jadi] kerja *part time* [sambilan] lagi, kerja lagi, nak belajar lagi 10 pagi itu, kerja *part time* [sambilan] pula ajar hantar *jump mail* [surat] yang hantar rumah ke rumah yang hantar macam *supply* [bekalan] apa ini ke rumah-rumah dapatlah tambahan 50 dollar seminggu. Itu belanja kita, memang susah, okay, *so* [jadi] untuk *PhD* [doktor falsafah], saya pergi 2007 itu sebab saya ada pengalaman, biasalah, cumanya saya pergi itu cabaran saya adalah sebab orang dah macam ada *background* [gambaran] sikit tahu, dan

saya pun faham tentang bagaimana *bila* [apabila] kita pendarat, pelajar-pelajar dibantu dan sebagainya kan dia ada persatuan pelajar di sana dan orang dah *propose* [cadangkan] saya dari tahun pertama lagi untuk nak lantik saya sebagai presiden untuk persatuan pelajar-pelajar melayu (PPMSU) pada masa itu.(mengeluh). Saya *avoid lah* [mengelak] sebab satu nya isu yang ayah tadi, sebab saya nak kena fokus untuk *make sure that* [memastikan] saya dapat habiskan untuk *first year* [tahun pertama] itu untuk nak *fulfill* [penuhkan] hasrat ayah saya, tapi sampai satu peringkat, dia kata “Abang Zul, kalau abang Zul tak jadi presiden, kita bubarlah persatuan”. “Adus!, okaylah, terimalah”. *So* [jadi], saya terima tapi di situ juga membuatkan saya kita panggil jadi kreatif sebab menjadi *persatuan pelajar* [PPMSU] kena mengendalikan pelajar baru dan juga jaga kebajikan pelajar kerja besar, tapi kalau kita presiden, nak buat semua *tak* [tidak] larat, *so* [jadi], apa yang saya buat adalah saya *create* [cipta] *new system* [sistem baru], okay, saya adalah presiden tapi saya ada *committee* [ahli jawatankuasa] yang pertama atas, kan, tapi yang kedua ada pihak pentadbiran di setiap, kita di sana kita panggil *suburb* [pinggir bandar] macam ketua kampung, kita ada ketua-ketua kampung sebenarnya, *so* [jadi] kalau pelajar universiti A, *suburb A*, ada orang *handle* [kawal] dia. Jadi sebelum saya sampai itu, semuanya di *handle* [dikendali] oleh *committee* [ahli jawatankuasa] utama, jadi disebabkan daripada banyak *suburb* [pinggir bandar], universiti pun ada tiga, University of Queensland, University of Technology dan university apa sajalah gitu, jadi ramailah, *tak* [tidak] sempat, *so* [jadi] saya *create* [cipta] sistem, *so* [jadi] Alhamdulillah juga saya difahamkan sistem tu kekal sehingga sekarang, *so* [jadi] kalau tiada presiden ada penghulu, okay, *so* [jadi] Alhamdulillah, dan satu peringkat di mana sebelum saya kekal itu *jugak* [juga] ada satu pelajar yang apa kita panggil yang jadi apa,

kenapa dia punya belajar dia sebab terlalu tumpu nak bantu pelajar-pelajar baru datang, bila pelajar baru kali pertama pergi, *lost* [sesat], tak *bantu lost* [tiada penunjuk], semua kena bantu, kesian lah, kadang-kadang lapar dan sebagainya lah *so* [jadi] dia ambil disebabkan *nature of work* [sifat kerja dia] tu, dia *sorang* [seorang], *ambiklah* [ambillah], okay, biasalah kalau jadi. *So* [jadi], lepaslah saya, saya sentiasa berdoa semasa pegang presiden itu, saya kata janganlah berlaku apa-apa besar yang menyebabkan *ambik* [ambil] saya punya masa untuk belajar, *lalulah* [berlalulah], masa lepas saya itu lepas, sehinggalah pada tahun 2011, Januari, saya pada masa itu saya patut habis *PhD* [doktor falsafah] saya pada bulan Mac oleh nak balik. *So* [jadi], pada 2010, akhir tahun 2010 dalam bulan, maknanya dalam setengah tahun 2010 itu, saya dah *tak* [tidak] aktif sangat *dah* [sudah] aktiviti sosial *so* [jadi] *just* [cuma] macam itulah jelah ada orang panggil apa semua gitu sebabnya. Tapi orang cari, adalah orang cari jugakkan sebagai *former* [bekas] presiden dan sebagainya, tak kisahlah, okay, dan okay, tambah sikit masuk ini, *so* [jadi] masa saya presiden, strategi saya adalah merapatkan hubungan *postgrad* [lepasan ijazah] dengan *undergrad* [sarjana muda] sebab pemikiran *postgrad* [lepasan ijazah] dengan pemikiran *undergrad* [sarjana muda] lain, pemikiran *postgrad* [lepasan ijazah] ini yang selalu datangnya ala-ala nak *bawak* [bawa] Malaysia ke sana, yang orang *undergrad* [sarjana muda] ni *pulak* [pula], aku *dah* [sudah] belajar orang putih, *style* [gaya] orang putih, *so* [jadi] kata *gap* [jurang] tu jauh. *So* [jadi], masa saya pergi *master* [sarjana] pun saya *dah* [sudah] nampak benda itu, *so* [jadi] bila *PhD* [doktor falsafah] itu saya nampak, saya kena *do something* [buat sesuatu] untuk *in order* [supaya] untuk *reduce the gap* [kurangkan jurang], *so* [jadi] memang saya buat aktivitilah. Sehingga satu peringkat itu memang ada orang *jugaklah* [juga] yang jenis patriotik ini *tak* [tidak]

sokonglah saya kan. Hatta sehingga ada satu kumpulan *kecik* [kecil] yang *subgroup* [kumpulan kecil] *pulak* [pula] diantara saya *deal* [hadapi] tu. Saya *tak* [tidak] pedulilah, saya *handle* [kawal] sendiri, okay Alhamdulillah. *So* [jadi], *bila* [apabila] pada tahun 2011, Januari, masa 2011 umur berapa dah? 2011 umur berapa?

TA dan IM : **(Sedang berfikir)**

DZK : Iman dengan nih, 2011?

TA dan IM : **(masih berfikir)**

DZK : *Tak* [tidak] ingat dah umur berapa? (menunggu jawapan), 11 tahun? 12? Sekolah darjah berapa?

TA : **Saya tingkatan dua.**

DZK : Tingkatan dua dah

IM : **Saya darjah lima**

DZK : Oh, lain-lain belajar

TA dan IM : **Ya**

DZK : Okay, *takpe* [tidak apa], 2011 tu berlaku banjir besar di Queensland, kalau ingat lah baca, *so* [jadi] masa tu, sebelum pada banjir besar

Queensland tu berlaku di Mesir tu ada yang serangan yang-, kalau perasan, *tak* [tidak] perasan kut sebab *kecik* [kecil] lagi. Okay, jadi apa yang berlaku adalah banjir besar ini, banjir besar seperti yang berlaku di dekat 2014 di Kuala Krai, tenggelam habis itu. Okay, dan ini dia panggil “*inland tsunami*” sebab dia macam contohnya kalau nampak tempat itu- -, sini Gua Musang, air itu turun (meniru bunyi air turun) di bandar itu sampai menghanyutkan kereta dan air arus deras tu *mari* [datang] sampai ke kuala. Okay, bandar Brisbane, tempat penempatan dua universiti besar, University of Queensland, tempat saya belajar dan University of QUT berada dekat tepi sungai, jadi ramai yang apa rumah yang terlibat, okay, ramai yang terlibat, terjejas lah memang tutup sungguh, makna dekat dua minggu *takde* [tiada] elektrik dan *takde* [tiada] bekalan dan sebagainya dan memang pelajar-pelajar lapar. Okay, *so* [jadi] pada masa tersebut saya adalah sekali itu, adalah makanan lebih *kat* [dekat] rumah, saya hantarlah nasi kerumah makanan, ada satu rumah ini yang duduk pelajar-pelajar Malaysia duduk. Sampailah satu mesej “ Abang Zul, nasi ada lagi ke?”, sebak, jadi cerita itu masa itu, jadi sebab saya bukan presiden dan saya nak fokuskan saya belajar-, jadi saya hanya *communicate* [berhubung] jelah dengan apa kita panggil presiden pada masa itu, presiden pada masa itu saya *tak* [tidak] faham, saya *tak* [tidak] *retillah* [pandailah], saya *tak sure* [pasti] bagaimana dia, dan nasib dia *tak* [tidak] baik, dia pun *fail* [gagal] *tak* [tidak] habiskan *PhD* [doktor falsafah] dia sebab kerja dia kuat sebab cara *nature* [semulajadi] dia. Saya pergi rumah dia tanya macam mana dia masa itu duduk ini, ada orang Malaysia telefon nak tahu macam mana kan, nak duduk *tak* [tidak] sempat ni, makan *tak* [tidak] sempat telefon jawab itu ini kan, *so* [jadi] saya kata, tak boleh ni *you sorang* [kamu seorang] ni, *you* [kamu] kena buat satu pusat, apa kita panggil, pusat bencana, kan? Pusat bencana kan? *So*

[jadi], saya bantu lah dia, *contact* [hubungi] lah persatuan itu, *so* [jadi], *contact* [hubungi] timbalan presiden. “Oh, mana?”, “Oh, saya sudah hantar orang untuk pergi cuci rumah”. Hantar *driving* [pemandu], *sapa-sapa* [siapa-siapa] boleh buat, kan?, *so why not you* [jadi kenapa bukan kamu] datang bantu presiden yang *dah* [sudah] kecemasan ni, okay, *so* [jadi], dia macam batu, *tak* [tidak] selesai, dan masa tu *jugak* [juga], *Malaysia’s students department* [Jabatan pelajar Malaysia], *tak* [tidak] masa itu di sini, saya di Brisbane, *tak* [tidak] tanya khabar pun. Pelajar-pelajar ini dan yang saya sedih lagi itu adalah, ada pelajar kita, satu yang kelaparan tadi yang *undergrad* [sarjana muda], yang ini disebabkan dia tertinggal-, dia ada *baby kecil* [bayi kecil], umur masa itu dalam tiga bulan ke enam bulan, dia tertinggal passport kat rumah dia, rumah dia tenggelam, rumah dia tingkat atas tapi maknanya rumah dia *kat* [di] bawah tenggelam lah nak naik tangga tu. *So* [jadi] dia pergi terjun menyelam masuk ke rumah dia ambik barang, lepas dia balik baru cerita *kat* [dekat] saya, kalau berlaku apa-apa kan, arus deras kan, lagilah senang, jadi saya nampak *tak* [tidak] terkawal, dua. Nombor tiga, *bila* [apabila] saya tanya presiden, “macam mana situasi?”, dia kata okay sebab dia *pulak* [pula], dia *tak* [tidak] nampak benda ini, ini cabaran cerita *bila* [apabila] duduk luar negara kan, *nature* [semulajadi] tu. *So* [jadi], apa yang berlaku adalah, saya ringkaskan cerita, presiden yang ada pada masa itu, dia *tak* [tidak] nampak *real situation* [keadaan sebenar] sebab dia duduk *kat* [dekat] lain. Jadi dia masuk dalam maklumat ini penting, isu Malaysia pada masa itu saya maklumat lain, saya kata “Zul, di Malaysia, apa kita panggil dalam, kita ada satu pusat bencana, apa kita panggil?, *disaster* [bencana]- (sedang berfikir)

TA : *Disaster center* [pusat bencana]?

DZK : *Disaster centre* [pusat bencana] apa kita panggil satu jabatan bencana negara ke apa, Majlis Keselamatan Negara. Majlis Keselamatan Negara ni jaga semua rakyat Malaysia seluruh dunia, so [jadi] dia kata, “Zul, dalam Majlis Keselamatan Negara, banjir besar di Brisbane ini hijau *nothing* [tiada apa], orang tidak orang tidak ambil tindakan apa-apa” sedangkan pelajar-pelajar kita kelaparan, duduk dalam *lab* [makmal] dan sebagainya *takde* [tiada] orang jaga, okay, jadi, sebabnya maklumat yang salah, presiden masa itu “kita , harini kita walaupun banjir *kat* [dekat] kita, kita makan *coffee* [kopi], kita *gi* [pergi] bantu pelajar”, dia tak nampak yang ramai orang yang kelaparan. Okay, maklumat itu yang salah dan lebih teruk lagi *Malaysia’s student department* [Jabatan pelajar Malaysia] yang patut jaga ini, sepatutnya datang daripada Brisbane, daripada sini, *tak* [tidak] datang, *bila* [apabila] saya tanya presiden “macam mana ini?”, “datang *jugak* [juga], minggu depan”. Yang berlaku benda itu hari selasa, minggu depan itu hari isnin, *tak* [tidak] datang apa lagi, *takde* [tiada] apa-apa, lapar ini, jadi saya kena buat sesuatu *in order* [supaya] untuk menukar status saya ambil perhatian, jadi Alhamdulillah kawan masa itu, adalah- bernama, dia telefon saya, untuk *interview* [temubual] nak tanya situasi, okay, sebagai bekas presiden lah. Dan dia telefon saya masa itu saya berada di luar rumah kawan yang kata rumah dia tenggelam tadi, kita bantu dia pindah, yang dah surut, kita naik balik baiki rumah dia itu, yang *baby kecil* [bayi kecil] tu. Jadi telefon, masa tu bernama telefon, masa tu dia tanya “Zul, macam mana situasi di sana?”, saya kata terkawal lah kan. Lepastu dia tanya “patut ke bawa balik *student-student* [pelajar-pelajar] ni ke Malaysia?” kan. *Takyah* [tidak payah] balik apa semua, tanya balik, macam mana nak menghadapi situasi tu?, masa tu yang saya sebak, sebab apa, satu, pelajar-pelajar

yang *undergrad* [sarjana muda] tadi kelaparan, yang *postgrad* [lepasan ijazah] *pulak* [pula], masuk terbang dengan apa kita panggil letak nyawa punya ini untuk ambil untuk menyelamatkan benda tu. Jadi, sedangkan, pihak jabatan yang sepatutnya ambil perhatian, *tak* [tidak] datang, Okay, *so* [jadi] saya memang sebak, saya kata *takpelah* [tidak apa], kami ini Alhamdulillah boleh *handle* [kawal] sebab pelajar-pelajar *undergrad* [sarjana muda] dan *postgrade* [lepasan ijazah] ini rapat dan cumanya saya cakap, *bagitahu* [beritahu] orang apa kerajaan nak datang *tak* [tidak] tengok kit aorang. Alhamdulillah, *interview* [temubual] untuk hari jumaat, hari ahad ke, ke *the next day* [hari seterusnya] datang. Datang dengan pakaian *smart* [kemas], *salute* [tabik], *tak* [tidak] jadi apa juga, Okay, tapi *meeting* [mesyuarat] yang pertama itu dia datang, saya tanya soalan “ada ke maklumat pelajar, yang pelajar Malaysia di sana?”, “Oh *takde* [tiada], persatuan lebih tahu” . *Well* [baik], kan nampak kelemahan, *interview* [temubual] kan?, *takde* [tiada] kan, *takpe lah* [tidak apa], *so* [jadi] maknanya dia takkan cukup rekod, *so* [jadi] apa yang berlaku adalah pada masa itu disebut bentuk *committee* [ahli jawatankuasa] , yang saya nampak pada masa itu walaupun ramai, orang *tak* [tidak] nampak *solution* [penyelesaian]. *So* [jadi], saya bagi cadangan *bla-bla* [lain-lain], akhir sekali nya “Zul, kamu telah dilantik” untuk, saya dah dipilih untuk jadi pengerusi bencana, saya kata saya *tak* [tidak] boleh jadi pengerusi bencana sebab saya pelajar *PhD* [doktor falsafah], kena ada seseorang yang *authority* [ada kuasa] yang boleh buat keputusan, saya pelajar, “Oh, *takpe* [tidak apa] Zul, kami ini orang *MSD* [National Disaster Management]”. *Takpelah* [tidak apa] ikhlas kan, *MSD* [National Disaster Management] kata *takpe* [tidak apa], kita akan tolong, *so because of that* [jadi, oleh kerana itu], saya tolong tapi dengan syarat saya kata saya hanya akan bertanggungjawab,

sumbangan dan sebagainya kepada yang masuk dalam tabung persatuan ppmq, akaun dia, tapi saya nakkan *committee* [ahli jawatankuasa] yang berbeza untuk bukan *committee* [ahli jawatankuasa] yang asal punya. Khas untuk bencana, okay, *so* [jadi], saya ambil tindakan, mula-mula sekali saya pergi kepada universiti, buka *disaster centre* [pusat bencana] untuk pelajar Malaysia di University of Queensland dan kita satu-satunya universiti yang ada *disaster centre* [pusat bencana] sendiri. Macam kita *kat* [di] sini beroperasi apa semua dan memang orang tabiklah sebenarnya sebab kita teratur, kita ada makanan apa semua dan sebagainya untuk bantu. Okay, jadi disebabkan oleh perkara tersebut, pengajian saya tertangguh, okay tertangguh sehingga *tak* [tidak] boleh buat apa, sehingga benda ini berlaku dalam bulan Januari sampai bulan Mac. Dekat dua bulan, kan, *so* [jadi] Alhamdulillah, dengan sumbangan saya bantu ini, okay, banyak lagi isu, satu contoh lagi betapa pentingnya *disaster centre* [pusat bencana] itu tadi, saya telah dipanggil bagi panel, pengalaman daripada universiti lain, pelajar lainnya, satu pelajar daripada Arab, bila banjir, okay pergi duduk hotel di Brisbane, ditanggung oleh kerajaan Arab, kan, dia pergi duduk hotel, hotel tenggelam, kelaparan dia di sana, dia cerita sebabkan saya lapar, *tak* [tidak] mahu dah belajar sini, balik. Pelajar *US* [United States], dia kata saya datang sini *with* [dengan] *my intention* [niat saya] untuk *learn and study here* [belajar disini], bekerja di sini, *so because of this event* [jadi kerana peristiwa ini], *tidak mahu dah* [sudah tidak mahu] belajar sini, balik. Nampak *tak event* [peristiwa] tu teruk. Tapi kita sebaliknya, kita dapat macam *being recognized, acknowledge as the most well organized students* [diiktiraf, diakui sebagai pelajar yang paling teratur] yang bantu dengan kita sebab ada *disaster centre* [pusat bencana] sendiri dan kerajaan pun lepas pada isu itu, dia datang lah untuk bantu kita dan

sebagainya, okay, dan saya pun Alhamdulillah, disebabkan perkara tersebut, saya dapat satu, “UQ international award” dapat untuk Malaysian daripada kerajaan Australia kita panggil “Disaster Hero” dan saya pun dapat tambahan *scholarship* [biasiswa] *in order untuk recover my study* [pulihkan pembelajaran saya] yang *miss* [ditinggal] tiga bulan itu sambung bulan sembilan. So [jadi] *continue* [sambung] lah. So [jadi], balik kepada cabaran di sana tadi itu, belajar di *overseas* [luar negara] *is not* [bukan] satu benda yang apa kita panggil mudah, banyak cabaran dia cuma dalam konteks saya tadi, saya jadi bertambah sebab untuk jawatan presiden itu lah.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: KERJAYA

TA : Seterusnya saya nak tanya tentang kerjaya awal Doktor sebelum menjadi terapi carakerja ni [ini]? Kerjaya pertama.

DZK : Kerjaya?

TA : Ho [ya], kerjaya pertama.

DZK : Kerjaya pertama saya sebelum *occupational therapist* [terapi carakerja] adalah kerjaya pertama saya. Sehingga sekarang pun *occupational therapist* [terapi carakerja]. Cumanya dulu *clinical occupational therapist* [ahli terapi pekerjaan klinikal], sekarang ini .

TA : **Sudah berapa lama Doktor melibatkan diri sebagai terapi carakerja?**

DZK : 33 tahun. Kalau masuk masa belajar lagi, tambah lagi 3 [tahun]. Ha ha ha [ketawa]

TA : **Siapakah majikan pertama doktor?**

DZK : Hospital USM.

TA : **Siapakah yang memberi inspirasi kepada Doktor untuk menubuhkan Pusat Transformasi OKU ini?**

DZK : Okay, sebenarnya apa yang berlaku ini dengan kehendak Allah. Kita mulanya pada awal lagi balik dari phd tu [itu], Pusat Transformasi OKU itu kalau kira cabaran kepada perkara ini inilah. Pada tahun Ini akan jadi panjang lagi ini, sebab inilah utama. Tadi itu sebab *education* [pendidikan] kan. Ini tentang OKU ini. Tapi pengalaman-pengalaman saya yang sebagai itulah yang menyebabkan kematangan yang boleh sebabkan saya selepas inilah. So [jadi] masa saya dah bekerja sebagai *occupational therapist* [terapi carakerja] sejak 1990. Okay dan saya boleh nampak semasa pergi ke hospital USM ini sebagai *occupational therapist* [terapi carakerja] yang pertama saya merawat semua jenis OKU, daripada *baby* [bayi] yang baru lahir sehingga kepada orang kena strok, orang *accident* [kemalangan] sehinggalah kepada orang tua. Saya buat semua, apa orang panggil, orang yang kena *muscular dystrophy* [distrofi otot], macam-macam. Okay. semua *kind disability* [kecacatan jenis] saya tengok *alright* [baik]. Dan saya nampak bagaimana kesukaran masalah dan *solution* [penyelesaian]. Masa itu timbul satu yang saya nyatakan adalah situasinya adalah nombor satu, bila orang oku ada, adakah dia ada komitmen untuk nak *accept* [terima], apa orang panggil nak dapatkan rawatan. Satu cabaran.

Nombor dua, bila ada cabaran adakah dia ada tempat nak pergi. Sebab ni hospital saja kan. Nombor tiga, adakah ada kepakaran atau tidak, ada kemudahan tidak. So [jadi] saya nampak disitu sebenarnya terlalu banyak rintangan-rintangan, cabaran yang oku ini nak dapat pun susah. So [jadi] daripada situ saya nampak yang keperluan ini daripada awal so [jadi] bila saya balik phd, masalah itu, situasi di malaysia tentang keadaan oku dari tahun 1990 sehingga tahun 2012 masih lagi pada *status* [tahap] yang sama. Sehingga sekarang pun.. Dah ada kemajuan dari *infrastructure* [infrastruktur], tapi dari segi sistem lebih kurang sama. Tidak ada kemajuan sangat. So [jadi] saya nampak negara memerlukan kepada penyelesaian masalah. Ramai orang *complain* [mengadu] itu ini, tapi yes [ya] *complain* [mengeluh] masalah tapi apa penyelesaian dia? Situ tak ada. Jadi disebabkan itulah saya timbul apa itu orang panggil.. Dan satu lagi situasi pada itu ada dua, situasi disitu dia ada orang oku ini ada yang teruk sangat kita panggil putus asa. *Helpless less* [kurang berdaya]. Dia ada oku nak pergi mana pun tak tahu, banyak masalah ini masalah dan saya melihat kepada keperluan untuk menjadikan penyelesaian. So [jadi] kami *start* [mula] mulakan dengan penyelesaian ini masa phd saya adalah pendidikan tentang oku. Dan saya nampak pendidikan tentang oku ini saya dah semasa saya pergi.. Okay undur sikit. Masa phd tu mula-mula saya pergi nak buat.. sebab masa tu saya masa phd saya phd yang pertama di malaysia lah. Melayu pertama di malaysia. Jadi saya tidak ada *guidance* [bimbingan] yang *proper* [betul] untuk buat phd ini. So [jadi] mula-mula saya pergi sana, nak buat tu dan saya jumpa dengan *supervisor* [penyelia] saya bagi tahu saya nak buat phd ini untuk *detect* [mengesan] anak-anak oku peringkat awal lepastu kita bagi konvensyen sekolah lepas sekolah bekerja akhir sekali dia selesai. Ambil masa 21 tahun sampai maknanya habis sekolahkan. Sampai *supervisor* [penyelia] saya kata “Zul *this is not phd Zul, this is blueprint. You can keep this, now work on this*” tapi *from that idea* [dari idea itu] sampai sekarang *that is guide* [itu yang saya ikut] saya punya pemikiran lah. Cuma masa phd saya tu tumpu kepada pendidikan awal,

tapi saya nampak peringkat awal inilah permulaan untuk membolehkan saya *work on this* [usahakan ini]. Okay. *so* [jadi] bila saya balik sini pada 2012, saya mulakan projek oku dengan permulaan yang pertama adalah kita panggil projek latihan penjaga oku. Sebab isu pertama penyelesaian oku adalah bila dia boleh bekerja dan dapat pendapatan. Itu nombor satu. So macam mana budak-budak oku ini dapat kerja? Kategori oku ini ada banyak. Saya hanya fokus kepada oku lembam. Banyak lagi oku buta ada, oku spina bifida ada, yang strok pon ada. Tapi saya fokus yang ini (oku lembam) sebab apa, disinilah punca utama yang memerlukan kepada sistem yang orang tak faham. Saya mulakan disitu pada tahun 2012. *So* [jadi] daripada sini, 2012 ini kita buat latihan pekerjaan kita latih mula mula 3 orang lepas itu dapat bekerja. 2013 USM berhasrat pada bulan mac, nak buat satu pameran tentang oku di USIM. Sebab timbalan chancellor USM pada masa itu, dia dinaikkan pangkat vice chancellor di USIM. Jadi dia nak bawa projek ini USM dan oku ini disana. So alhamdulillah pada tahun 2013 itu saya dan *team* [kumpulan], buat satu pameran tentang oku di USIM. Lepas itu berjaya, pada akhir tahun itu saya telah diberi satu geran, kita panggil *wheelchair modification* [pengubahsuaian kerusi roda], ke tukar eh.. *Sorry* [maaf] 2014. Tahun lari sikit ni. Takpelah tahun tu boleh *check* [semak] balik. Tapi lebih kurang itu lah. Tahun 2013 itu kita dah dapat geran daripada KPT geran untuk wheelchair modification *so* [jadi] kita kerjasama dengan RICD daripada thailand untuk dia bagi kerusi roda pada kita untuk kita bagikan kepada masyarakat. *So* [jadi] itu juga kita buka projek wheelchair modification center pada tahun 2014. *So* [jadi] tahun 2013 ke 2014, kita buka.. 2014 kita dapat buka PDK yang pertama dekat USM. PDK ni satu sistem pendidikan untuk oku di seluruh negara. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Di malaysia, dimulakan pada tahun 84an dan maknanya dia punya sistem dengan USM merupakan universiti pertama buka PDK pada tahun 2014 dan pada tahun 2020 disebabkan oleh nampak kejayaan dia, negara telah beri dana Rm 10 juta untuk buka PDK pada universiti lain. *So* [jadi] sekarang ini dah ada 5 universiti lain yang ada PDK seperti USM.

Contoh model untuk menjadikan polisi. Okay so latihan pekerjaan yang kita buat tadi mula-mula kita buat dan dapat pekerjaan mereka tiga orang ini masih lagi bekerja sekarang, berjaya dana dan setengah itu sudah boleh beli kereta, boleh bagi tambang duit mak untuk buat haji dan yang terbaru oku kita ini yang buat rumah *cash* [tunai] sebab dia oku dia hanya guna belanja dia duit elaun oku sahaja yang duit gaji dia dia simpan. Dan kalau bayang kan kalau dia bekerja 2014 *so* [jadi] sekarang 2024 dan 10 tahun seribu 200 sebulan agaknya, nampak berapa banyaknya. Dia boleh buat rumah *cash* [tunai] sebab dia simpan. Kalah kita kan. Tapi nk cerita disitu, so dari situ mula-mula kita ada projek latihan pekerjaan oku kita dapat kerusi roda kita ada PDK *so* [jadi] daripada sini kita nampak keperluan dan kita *work as a team* [bekerja sebagai satu pasukan] untuk kita *apply* [minta] gran utk kita nak buka satu *center* [pusat] sahaja untuk membolehkan oku PDK dan sebagainya untuk minta kat luar tu dan jadi kita *apply* [minta] masa itu dalam RM380 000 rasanya daripada MAIK untuk buat benda tu. Okay *so* [jadi] lepas itu tapi bila kita *present* [membentangkan] alhamdulillah dia bagi RM400 000. Bila RM400 000 balik ke USM dia buat lah sini, dia bagi tapak sini. *So* [jadi] bila buat tapak sini kita kena ubah dia punya sistem RM400 000 adalah untuk bangunan depan sahaja. Lepastu kita hanya utk bangunan *so* [jadi] dia bagi lagi tambahan untuk buat blok wheelchair modification ini dan juga dengan perabot segalanya yang jumlah total hampir RM1 juta. Dan lepastu juga alhamdulillah kita dapat geran lagi untuk ini kita boleh bina bangunan makmal dan geran daripada KPT untuk buat blok ni. *So* [jadi] tulah bila ada macam ini kita boleh lah operasi seperti saya ceritakan tadi.

TA : **Boleh Doktor kongsi contoh Doktor membantu pesakit dalam sesi rawatan terapi carakerja?**

DZK : Bila sebut *occupational therapist* [terapi carakerja] kerja dia membantu orang kurang upaya hidup berdikari dengan kecacatan dia. Itu asas dia. *So* [jadi] dia

ada 2 *level* [tahap] satu peringkat terapi klinikal yang mana berlaku di hospital, yang kedua adalah terapi komuniti yang kita buat disini. Saya ceritakan ya, *occupational therapy* [terapi carakerja] ini bila dia buat terapi untuk bantu bergantung pada tahap *level* [tahap]. Kebanyakan sekarang yang orang nampak terapi kerja di hospital untuk buat terapi klinikal. peranan mereka adalah latih untuk membuat supaya oku ini boleh buat pergerakan, supaya boleh makan sendiri, boleh pakai baju sendiri dan sebagainya. Walaubagaimanapun cabaran sebenar mereka adalah bagaimana mereka apabila habis terapi di hospital balik di rumah dan nak hidup semula dengan masyarakat. Disitulah peranan *occupational therapy* [terapi carakerja] disini di pusat oku ini bagaimana untuk *empower* [memperkasakan] mereka balik supaya mereka boleh berdikari dan menjana pendapatan. Okay so that [supaya] kita buat program *empowerment* [pemeriksaan] yang membolehkan seratus lebih oku lembam boleh bekerja, kita menukar status dia daripada oku tiada harapan dengan boleh menyumbang kepada keluarga dan negara. Kejayaan dia ada beberapa yang kita boleh ambil, satu contoh kes di pulau penang gaji pertama dia telah menyelamatkan dia dan keluarga dia daripada dihalau daripada rumah sewa. Sebab gaji dia seribu dua ratus itu dapat bayar tunggakan sewa rumah tu dalam 3 bulan, rumah yang diduduki keluarga dia. So [jadi] boleh bayangkan tak dia boleh bayar 3 bulan sewa itu, kita bayangkanlah RM1200 *total* [jumlah] dia bayar so [jadi] sewa rumah tu adalah Rm400 sahaja. Nampak terlalu *value* [nilai] tu lebih rendahlah. Jadi ini lah oku yang dikatakan tiada masa depan ini telah. Contoh yang kedua, oku kita disini yang oku lembam yang dilatih di PDK dengan keluarga ni telah kita bantu untuk buka *nursery* [tapak semaian] bunga dan kita bantu lagi dengan agensi dan dapat geran daripada agensi untuk buat apa kita panggil mesin untuk kelapa dan dia jadi debu untuk pertanian so dia ada perniagaan disitu dimana perniagaan ini dia dapat membolehkan adik dia yang ada autisme sevie bekerja dengan dia, dia abang sulung dan adik dia juga yang ada *rare stage failure* [kegagalan peringkat yang jarang berlaku] otak cerdas tapi tak boleh sebab buah pinggang berulang hospital untuk dialisis

bekerja dengan dia jaga akaun dan juga boleh beri pekerjaan kepada sepupu dia yang oku untuk bekerja dengan dia beri kerja kepada org normal, bayangkan.. *so that how* [jadi macam itulah] macam mana kita boleh ubah. Nak lagi.. Ha takpalah cukuplah .

TA : **Nak tanya kalau pesakit ini dikenakan bayaran ke apabila menerima rawatan ?**

DZK : Disini sebenarnya sebab kita perkhidmatan, oku pula tidak boleh rawatan. Ini juga cabaran kami disini, sebab kami memerlukan kepada dana untuk operasi dan kami sini pusat transformasi oku ini staff kekal 3 orang, yang lain kontrak. *So* [jadi] staff kontrak ini memerlukan dana untuk nak *support* [bantu]. Tapi sekarang ini kita terpaksa cari sumber lain untuk nak support staff 3 orang ini. Kalau tidak tak bergerak. So disebabkan oleh kita tak boleh charge dan memang kita struggle untuk cari. So boleh lah siapa-siapa yang tengok ini, baca ke dengar maklumat ini kalau nak menderma boleh lah beri sumbangan. Dan kepada peyumbang menyumbang kepada projek kita boleh bagi untuk *tax induction* [pengecualian cukai.]

TA : **Bagaimanakah komuniti oku dapat menghubungi pusat transformasi oku untuk mendapatkan rawatan ?**

DZK : Comey (bagus soalan), saya tambah sikit soalan tu, isu utama masyarakat adalah dia sukar mencari akses kepada perkhidmatan. Susah nak datang dan sebagainya. So pusat transformasi oku telah sediakan satu sistem memudahkan yang kita panggil sistem pendaftaran. Bukan sistem rujukan. Jadi kita ada buat sistem pendaftaran online. Jadi sesiapa sahaja oku itu sendiri keluarga ataupun ahli masyarakat atau pakar perubatan atau mana mana aktivis boleh mendaftarkan maklumat oku ini di dalam website itu dalam online apa link

yang akan kita share nanti untuk mendaftar dan cuma yang penting maklumat maklumat asas oku itu dan juga contact person, supaya mereka ini kita hubungi untuk datang temujanji dan seterusnya penilaian yang disebut awal tadi. Yang screening tadi tu.

TA : **Adakah ada teknologi atau peralatan istimewa doktor gunakan untuk bantu proses terapi carakerja ini ?**

DZK : Dia sebenarnya dari segi untuk *research* [kajian] banyak, tapi buat masa sekarang ini benda itu perlu penambahbaikan lah dan potensi untuk digital itu memang tinggi kami juga dalam pasukan research yang lain ada satu alat apps yang mana daftar untuk dapat maklumat tapi tu fokus untuk strok sahaja jadi sekarang ini proses untuk convert benda ini kepada penggunaan untuk oku disini. So dari segi teknologi itu telah ada tapi masih lagi perlukan research yang banyak lagi untuk menjadikan ia satu benda yang boleh *improve* [bertambah baik] kan.

TA : **Bilakah tarikh tempat informasi ini yang dibuka ?**

DZK : Tarikh tempat dia saya kena *check* [semak] dalam 25 oktober 2022 cuba *check* [semak] tarikh, nanti kita *check* [semak] eh tu ada. Boleh cari dalam ni sekejap, boleh cari sekejap. Okay ke eh saya tak tahu saya just *share* [kongsi] maklumat tu supaya mudah- mudahan dapat inspirasikan sebab kalau tidak nak ni dia jadi susah kan. *Sorry* [maaf] lah pengalaman lah.. Balik pukul lapan? Lima setengah dah ni kan.

TA : **Ada beberapa soalan lagi..**

DZK : Ha ada lagi..teruskan teruskan

- TA : **Nak tanya pasal kerjaya doktor sebagai pensyarah, sudah berapa lamakah doktor bergelar sebagai seorang pensyarah dan dibawah fakulti apa doktor?**
- DZK : Saya pensyarah dilantik sejak tahun 2014 *so* [jadi] lepas balik dari phd lah okay sorry 2012 kan, disahkan 2014, sebelum dilantik tu awal lagi dan okay seterusnya apa soalan tadi?
- TA : **Doktor merupakan pensyarah di fakulti apa dan doktor merupakan pensyarah ijazah atau diploma?**
- DZK : Okay so saya di bawah pusat sains kesihatan dan buat masa sekarang ini saya di universiti sains malaysia belum ada ijazah untuk terapi carakerja sebab kekurangan bilangan phd yang ada, bilangan *occupational therapy* [terapi carakerja] sebab ramai yang graduan *occupational therapy* [terapi carakerja] tak minat sambung belajar sebab nk kerja, kerja tu mudah dapat okay. Dan saya sekarang ni mengajar untuk program ijazah di universiti ini dengan menawarkan program elektif untuk *for people disabilities* [kurang upaya].
- TA : **Boleh doktor kongsi tip bagaimana doktor seimbangkan kerjaya doktor pakar terapi carakerja dan ?**
- DZK : Sekarang sebenar bukan masalah pensyarah terapi carakerja komponen tapi lebih kepada untuk *occupational therapy* [terapi carakerja] untuk pusat oku mencabar seperti yang disebut awal tadi. So sebenarnya *word note* [nota perkataan] dari segi disini pusat transformasi oku memastikan pusat transformasi ini berjalan dan *sustain* [mengekalkan] amat mencabar. Dan dari segi untuk pembahagian masa untuk mendapatkan *work life balance*

[keseimbangan kehidupan kerja] peringkat awal itu agak sukar sebab terlalu banyak benda kena buat dalam masa sama dan singkat dengan orang yang tak cukup. Bagaimanapun akhir akhir ini setelah berpindah ke pusat transformasi oku, kerja kita lebih stabil sekarang ini saya telah rasa keselesaan *work life balance* [keseimbangan kehidupan kerja]. Okay yang mana saya boleh fokus masa bekerja mungkin ada sesekali balik lewat seperti hari ini dan tapi malam saya boleh fokus dah lepas magrib kecuali *urgent* [kecemasan] lah yang lain saya boleh rehat masjid alhamdulillah lah. Walau demikian masih lagi adalah beberapa area yang saya masih ketinggalan yang saya kena *catch up* [kejar] lah.

- TA : **Boleh doktor berikan contoh subjek doktor ajar mahasiswa di universiti?**
- DZK : Kerja saya di universiti ini pada *disabilities* [kurang upaya]. So [jadi] memang saya akan mengajar dalam bidang disabilities atau perkara yang berkaitan dengan disabiliti atau berkenaan kanak-kanak ke, dan sebagainya.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

- TA : Sekarang saya nak masuk ke bahagian sumbangan dan pencapaian. Apakah pencapaian tertinggi doktor dapat sebagai aktivis oku? Dan siapa yang beri pengiktirafan.**
- DZK :** Pencapaian untuk oku ini sebenarnya saya bukan nombor satulah kena letakkan ini, saya tidak dalam hati tidak ada niat ke apa ke untuk nak capai anugerah apa apa. Tidak ada anugerah pon tak apa tiada masalah. Sebab bagi saya saya letakkan dan saya cuba terapkan ke staff-staff oku juga kerja kita adalah bantu orang susah, ringankan beban mereka dan ikhlas dengan cara ini inshallah tuhan berkati dan jariah lebih besar pada kita. Bagaimanapun ada pihak-pihak yang maknanya menghargai jugalah so pencapaian pertama saya penghargaan daripada USM iaitu anugerah khidmat masyarakat yang saya pun nak kena cari balik maklumat apa sebab saya memang tak ni pun semasa covid tu 2021, 2021 kot, masa covid tu masa majlis tu pakai *mask* [pelitup muka]. Dan pada tahun yang sama juga saya dapat anugerah yang kata anugerah yang daripada aktivis oku daripada kerajaan negeri kelantan dan tahun lepas 2022 ni saya mendapat pingat daripada kerajaan negeri pingat apa dah tak ingat. Sebab saya memang tak ni sangat lah.
- TA : Adakah doktor pernah dipanggil untuk merasmikan program-program melibatkan komuniti oku selain di pusat transformasi oku?**
- DZK :** Adalah beberapa kali tapi saya tak apa orang panggil untuk beri ceramah ke perasmian ke, tak beri perhatian sangat lah.
- TA : Adakah doktor pernah menggunakan dana peribadi untuk membantu**

komuniti oku?

DZK : Bagus soalan tu, sebenarnya kita sedekah kita tak bagi tahu kan tapi ada juga lain kata kalau sedekah you you diam pun tak apa you bagi tahu pun tak apa. Sebenarnya in order untuk program oku ini berjalan memang memerlukan kepada sumbangan peribadi. Dan apa dalam situasi tertentu memang terpaksa memang kena lah. Dalam buat proses ini tak boleh dalam otak kita ini kita bekerja. Sebab bila kita bekerja skop kita dalam waktu bekerja . Nombor 2 saya juga tak boleh nk meletakkan ingin mengikut dalam dasar kpi. Kalau kita mengikut perkara tersebut banyak yang kita nak letak ini tak tercapai. Ok. dan tapi bagaimanapun bukan maksud kita tak akan buat, mana yang boleh pergi cara untuk mencapai kpi tak guna duit guna waktu kerja kita *follow* [ikut] dalam keadaan criteria itu menghalang dari perkembangan itu in order untuk memastikan program oku itu bergerak. *It's very important* [ianya sangat penting]. Apa yang kami buat di pusat transformasi oku ini satu pusat yang satu satu di malaysia yang ada ecosystem, m perkhidmatan kepada oku. One stop center ini. Sebab untuk bantu oku bukan semata mata kerja jkm bukan semata mata kerja hospital dan sebagainya. Bukan kementerian punya kerja. *Its whole system* [ianya keseluruhan sistem] sebab orang oku dia perlu hidup dengan kecacatan dia seumur hidup. Ada masa dia kesekolah ada masa dia perlu bekerja ada masa dia perlu rawatan dia terlibat. Jadi pusat transformasi oku ini menyediakan satu platform ecosystem supaya mereka ini menggunakan keperluan ini dia akan *consult* [berunding] kami dan kami rujuk pihak yang berkenaan. Kalau *center* [pusat] sebegini ada di setiap negeri, inshallah masalah oku ini dapat diatasi.

TA : **Adakah doktor pernah menerbitkan buku atau jurnal artikel mengenai komuniti oku?**

DZK : Ada ada, sekarang ini kita sedang menerbit USM untuk modul latihan

pekerjaan oku dan dalam *publication* [penerbitan] pun ada, bila sebut *publication* [penerbitan] ni dia *specific* [khusus] yang tajuk-tajuk tertentulah.

TA : **Adakah terdapat program atau aktiviti yang memberi impak yang baik kepada komuniti oku ini?**

DZK : Dah cerita tadi kita dah beri pekerjaan kepada seratus orang oku yang mana ada telah beri duit kepada mak dia untuk pergi haji yang beli kereta dan sebagainya yang buka ni dan ada yang buka bakeri sendiri Farid dan adalah kan.

TA : **Nak masuk di bahagian sumbangan dan pencapaian doktor sebagai pensyarah. Adakah doktor pernah menerima anugerah sebagai seorang pensyarah/pendidik?**

DZK : Saya terima anugerah khidmat cemerlang dan yang lain tu mungkin saya punya sumbangan bukan *towards* [kearah] akademik tapi lebih kepada oku tapi cumanya akademik tu ada tapi *secondary* [kedua] kepada platform untuk apa pelajar-pelajar belajar tentang oku. Aa macam tu.

TA : **Selain itu, apakah sumbangan terbaik yang pernah doktor berikan sebagai seorang pendidik kepada mahasiswa?**

DZK : Kepada mahasiswa eh, sebenarnya bagi saya di malaysia sekarang ini platform untuk mahasiswa belajar tentang oku dapat *direct exposure* [pendedahan secara langsung] kepada oku dapat memahami big picture about oku, melihat kepada oku ni sebenarnya ada masa depan USM lah tempat dia. Dan saya rasa itulah sumbangan yang besar kepada pelajar rupanya banyak lagi usaha yang kita perlu ketengah kan supaya benda ini dapat ditimba pelajar dan akan datang.

Dan benda ini sedang berlaku. Contoh hari ini pun ada dua orang pelajar yang datang nak *volunteer* [sukarela] nak bekerja kat sini tempat kita so gitu. Dan sebenarnya kami pun terbuka jika pelajar-pelajar uitm kalau nak bekerjasama dengan kita boleh je datang dan kita *workout* [jadikan] bagaimana untuk kita buat aktiviti ini. So kita *last week* [minggu lepas] daripada UMK, telah berhubung dengan kita untuk kita buat aktiviti dengan oku. So yang projek yang UMK itu adalah pelajar dari tourism so kita telah buat projek dengan dia bagaimana jadikan oku ini yang mana pusat transformasi oku ini satu tarikan tourism di kelantan untuk oku. Tapi konsep dia bukan tourism melancong untuk *enjoyment* [keseronokan] dan sebagainya tapi konsep dia tourism *about* [tentang] oku. So kalau you ni kos apa ini? Bidang apa ini?

IM : **Information system.**

TA : **Information system management.**

DZK : Information system management. *I see* [saya faham] sebab tu you ada digital, so kalau untuk yang ini pun kalau kata you boleh datang pada kita boleh bekerjasama bagaimana untuk *create digital system* [mencipta sistem digital] untuk bantu oku. Contohnya tadi contoh yang dua orang online tadi kita boleh *work together* [bekerjasama] untuk *create* [buat] yang *proper* [betul] yang kita boleh buat dan juga mungkin kita boleh gunakan sistem ini untuk mempromosi social media ke sebagainya ataupun you nak system sikit lagi kalau ada yang Ai pun boleh so maknanya kalau you boleh bincang.. *I mean* [saya maksudkan] sekarang ni you *second* [tahun dua] ke *third year* [tahun ketiga]?

TA : **Third, [ketiga]**

DZK : Third year? So *final year* [tahun akhir] bila *fourth year* [tahun empat]? So bila ada *final year project* [projek tahun akhir] boleh tengok macam mana you boleh *contribute information technology* [menyumbang teknologi maklumat] detail apa semua boleh *contribute* [menyumbang] semua *disabilities*[kurang upaya]. Sebab disini ada ecosystem dan maafkan saya jika saya bercakap besar sebab saya alhamdulillah tuhan bagi ini, saya boleh bantu untuk tengok bagaimana boleh *matching* [padan] oku dengan digital. Sebab dah lama sangat tua sangat dalam oku kalau perhati 28 ha ha ha (ketawa kecil) sebab apa dengan boleh nampak bagaimana kita boleh *match* [padan] tu. Alhamdulillah tuhan bagi macam tulah dengan izin Allah la *of course* [semestinya].

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: HARAPAN

- TA : **Saya nak masuk bahagian harapan, sebagai aktivis oku bagaimana doktor melihat perubahan dalam persepsi masyarakat terhadap komuniti oku?**
- DZK : Sebenarnya kalau berbanding pada tahun 1990, berbanding sekarang, 1990, 2012 hingga sekarang telah banyak perubahan dari segi kesedaran. Telah banyak pihak yang ingin membantu bagaimanapun bantuan itu lebih daripada kalau guna istilah ia panggil *gift a fish* (pepatah). Mungkin saya pergi lagi point yang asal iaitu saya pusat informasi oku itu menggunakan *principle empowerment* [pemeriksaan prinsip] yang menggunakan kaedah *gift a teach how to fish* (pepatah), bukan *gift a fish*. Kita ada skill untuk hidup. Jadi harapan saya nya banyak benda ni kalau ada orang nak bantu oku *instead* [sebaliknya] buat secara *come and join and work together in order* [datang dan sertai dan bekerjasama dengan teratur] untuk menampakkan sesifik kepada targetnya dan boleh impak ruang besar dan saya juga bersuka kalau boleh siapa-siapa yang di luar sana berminat untuk datang dan *recreate* [buat balik] benda ini di tempat lain. Jadi kita *prepare* [sediakan] benda ini bukan hanya untuk di service di sini okay tapi untuk orang ambil dan buat tempat lain. Sebab kami di USM sebenarnya adalah untuk menjadi fungsi kepada universiti iaitu mereka cipta *research* [kajian] untuk buat benda baru. Dalam konteks ini *service* [perkhidmatan] pada oku.
- TA : **Apakah cita-cita dan matlamat doktor dalam kerjaya ini pada masa hadapan?**
- DZK : Seperti disebut tadi, tugas saya adalah nombor satu *transforming to productivity* [berubah kepada produktiviti]. Dengan ada sistem pusat transformasi oku ini saya harap benda ini akan di *replicate* [meniru] di seluruh

negara, supaya semua oku dimana sahaja mereka berada ada peluang untuk diperkasakan dan mendapat peluang untuk menjadi productivity bukannya beban kepada keluarga ataupun negara. Okay iutu yang pertama. Yang kedua kita ada *create ecosystem* [mencipta ekosistem] sistem yang untuk *empowerment* [pemeriksaan]. Nombor dua, saya harap ibubapa keluarga yang ada family oku kedepan untuk bantu anak2 dan keluarga mereka untuk mendapat sebab apa, salah satu dari pemerhatian kami dengan beberapa agensi cabaran pertama yang dihadapi oku adalah penerimaan dan halangan daripada keluarga atau ibu bapa. Sebab mereka tidak yakin anak mereka atau keluarga mereka mampu untuk gerak kedepan. Sebenarnya mereka mampu.

TA : **Adakah Dr berharap bahawa lebih ramai generasi muda berminat untuk menceburi bidang terapi carakerja? Bolehkan Dr berikan sepatah dua kata untuk generasi akan datang?**

DZK : Wow, soalan itu menyeronokan. Pagi ini baru saya bercerita tentang the *value of occupation therapy* [nilai terapi pekerjaan]. Occupation therapy adalah satu bidang yang unik kerana ia menggabungkan tiga komponen. Menggabungkan perubatan bila perubatan ini ada dua. Kesihatan yang normal dan oku yang *disable* [melumpuhkan] dari perubatan itu. Nombor dua dia ada value apa orang panggil ada *knowledge* [pengetahuan] tentang sosial tentang sistem sosial tentang persekolahan tentang pentadbiran dan sebagainya, sebab mereka ini kena faham dengan sistem-sistem itu *in order* [mengikut tertib] untuk bantu oku itu untuk bantu oku itu masuk dalam masyarakat. Dan yang ketiga yang penting sekali, ada komponen physiology. Yang mereka dilatih untuk memahami psychology dari segi perasaan dari segi *impact* [kesan] pergerakan percakapan dia. Sebab isu skill yang pertama perlu ada pada *occupational therapy* [terapi carakerja] untuk dia membantu masyarakat oku adalah cara dia komunikasi dan sebagainya sebab inilah yang akan membantu menjadikan rawatan dia yang itu efektif. Sebab contohnya kalau seseorang itu

jenis yang apa yang *motivation depression* [kemurungan motivasi] so ot perlu seorang motivator yang apa yang positif *in order* [mengikut tertib] untuk bantu. So kalau ot ini depress juga tak jadi. So [jadi] itu yang pertama. So skill-skill ini di ot dilatih untuk macam mana nak *develop* [membangun] bagaimana nak menjadikan orang itu selesa dan sebagainya. So inilah yang menyebabkan rumitnya occupational therapy. Satu. Yang ni nombor dua bila kita ot ini kalau orang faham *value* [nilai] dia menjadi unik dan kita akan jadi seronok sebagai seorang ot. Satu. bila kita ada skill- skill ini kita boleh nampak bagaimana kehidupan seseorang itu terjejah samada disebabkan oleh kecacatan atau kepada psychology ataupun kehidupan. Sebab occupational therapy menumpukan kepada tiga perkara. Kategori kehidupan iaitu, nombor satu kita akan tengok bagaimana kecacatan mengganggu kemampuan untuk menjaga diri, makan mandi minum pakai baju dan segalanya. Nombor dua adalah bagaimana oku ini mengganggu kehidupan dia dari segi *productivity* [produktiviti] samada dia mampu untuk belajar, untuk bekerja dan sebagainya. Nombor tiga bagaimana dia mengganggu dari segi kita panggil kebahagiaan. Sebab konsep kebahagiaan ini adalah keselesaan bagi diri dia. So ot salah satu kerja dia walaupun kita akan membantu walaupun dia cacat, dia selesa dengan kehidupan dia. Okay itu keadaan dia. Jadi bahagia juga. Jadi bila kita ada dua perangkat ini, kalau kita menggalakan bukan semata mata kepada generasi muda, generasi baharu, generasi sekarang pun pahami konsep occupational therapy so kita sama sama bantu untuk meningkatkan tahap kehidupan orang kurang upaya dari segi kualiti hidup dan juga dari segi produktiviti. Okay soalan tadi itu, untuk prospek dari segi kerjaya, occupational therapy adalah terlalu luas, sebab luas sebab occupational therapy ini boleh terlibat sama ada dalam pendidikan, dalam pemulihan hospital dalam perkhidmatan untuk *empowerment* [pemeriksaan] JKM di rumah orang tua di rumah kanak-kanak dan sebagainya dan juga boleh buka private center dan sebagainya. Jadi peluang mereka ini untuk kedepan lebih besar dan sekarang ini walaupun sekarang ini dalam market occupational

therapy ini susah nak cari ya, sebenarnya potensi di masa depan akan lebih besar sebab orang masa depan akan berfikir memang bagaimana untuk meningkatkan tahap kualiti kehidupan yang mana termasuk konsep kebahagiaan tadi, keselesaan tadi yang juga untuk kesihatan dan sebagainya. Jadi siapa-siapa yang nak kan kepada satu tentang kesan hidup sebab kita paham kehidupan kita dan bagaimana kita boleh menggunakan skil ini untuk kita bantu masyarakat yang susah kalau kita ikhlas insya allah jariah lah pahala kita dan juga siapa yang nak melihat kepada potensi untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai masa depan insya allah occupational therapy bidang yang sesuai.

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Doktor Zulkifli Abdul Rahim. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN E

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Tengku Nur Azilah Akma Binti Tengku Jelani dan Iman Amalin Binti Azmin telah menemubual Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim, yang dilahirkan pada 11 Mei 1969, di Kubang Kerian, Kota Bharu Kelantan. Temubual dijalankan di pejabat beliau di Pusat Transformasi OKU USM-MAIK Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM Kampus, Jalan Kesihatan, Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai aktivis OKU dan pakar juruterapi carakerja yang boleh menjadi inspirasi kepada masyarakat.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|-------------------|-------------------------------------------------------------------|------------------------|
| Pengenalan | | |
| 2:50 | Temubual dimulakan dengan pembuka kata | |
| 3:50 | Pengenalan latar belakang tempat temubual yang diminta oleh tokoh | Pusat Transformasi OKU |

| BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG | | |
|-----------------------------------|-----------------------------------------|-------------------------------|
| 6:47 | Nama maklumat diri serta latar belakang | Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim |
| 7:21 | Melanjutkan latar belakang diri | |

| | | |
|-------|-----------------------------------------------------|-------------------------------------------|
| 8:25 | Memberitahu maklumat keluarga beliau | Pekerjaan isteri |
| 8:45 | Menerangkan maklumat anak beliau | Pengajian anak beliau di luar negara |
| 10:19 | Menceritakan kisah ibu dan bapa beliau | Hospital Universiti Sains Malaysia |
| 11:20 | Memberitahu sedikit maklumat mengenai zaman belajar | United Kingdom dan Australia |
| 13:32 | Menerangkan kerjaya ibu dan bapa beliau | Kerjaya Ibu dan Bapa adalah tokoh petani. |
| 14:36 | Menceritakan hobi dan kehidupan beliau | Hobi beliau ialah melancong dan memandu |
| 16:03 | Menerangkan prinsip hidup beliau | “Right is right, wrong is wrong” |

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

| | | |
|-------|-----------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 17:17 | Menceritakan zaman persekolahan ketika sekolah rendah | Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian 1 |
| 18:00 | Menceritakan tentang zaman persekolahan ketika sekolah menengah | <ul style="list-style-type: none"> ● Bersekolah di Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra. ● Guru kegemaran, Cikgu Abu Bakar Ibrahim ● Rakan karib, Jasman Muazzim. ● Pernah menjadi pengawas dan pengawas perpustakaan |

| | | |
|-------|--------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> ● Subjek kegemaran, Fizik, Bahasa Inggeris dan Sains. ● Cita-cita ingin menjadi doktor. |
| 22:40 | Menceritakan hala tuju pendidikan setelah SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] | <ul style="list-style-type: none"> ● Pelbagai kaedah diambil untuk melanjutkan pembelajaran ● Mula kenal Juruterapi Carakerja ● Kolej Juruterapi Carakerja ● Universiti Sains Malaysia dan lain-lain. |
| 26:00 | Menceritakan proses temubual menyambung pelajaran | Pengalaman temubual dari temubual pertama sehingga akhir. |
| 30:20 | Menceritakan cara melanjutkan pelajaran | <ul style="list-style-type: none"> ● Universiti Teknologi Mara ● Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 31:00 | Menceritakan pengalaman kerja dahulu sebelum melanjutkan pelajaran. | <ul style="list-style-type: none"> ● Menjadi staff USM selama 10 tahun. |
| 33:00 | Menceritakan cabaran mendapatkan peluang pengajian | <ul style="list-style-type: none"> ● Mendapat tawaran dari pihak USM pada akhirnya. |
| 48:00 | Menceritakan pengalaman pergi belajar ke luar negara | <ul style="list-style-type: none"> ● Pengalaman pertama kali menjejakkan kaki ke luar negara. ● Persediaan ke luar negara |
| 55:00 | Menerangkan cabaran ketika belajar di luar negara | <ul style="list-style-type: none"> ● Sarjana ● Doktor falsafah ● Menceritakan pengalaman menjadi presiden pelajar di luar negara. ● Banjir di Queensland. ● Memenangi anugerah “Hero Award” dari University of Queensland. |

| | | |
|---------|----------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 1:10:13 | Mengucapkan terima kasih kepada tokoh. | <ul style="list-style-type: none"> • Sesi temubual tamat. |
|---------|----------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|

BAHAGIAN C : KERJAYA

| | | |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1: 19: 05 | Menceritakan pekerjaan pertama beliau dan pengalaman | Majikan pertama, Hospital USM |
| 1: 25: 10 | Menceritakan inspirasi beliau kepada penubuhan Pusat Transformasi OKU | Perjalanan kepada kejayaan dari bawah |
| 1:33: 57 | Menceritakan kerjaya beliau sebagai seorang pensyarah | Bagaimana beliau dapat mengimbangkan dua kerjaya beliau sebagai seorang pensyarah dan juga aktivis oku |

BAHAGIAN D: SUMBANGAN

| | | |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| 1:40:38 | Menceritakan pencapaian tertinggi beliau sebagai aktivis oku | Pernah mendapat anugerah aktivis oku pada tahun 2022 daripada kerajaan negeri kelantan |
| 1:45:09 | Menceritakan tentang penerbitan jurnal artikel mengenai komuniti oku dan impak kepada komuniti oku ini. | Penerbitan bersama USM |

BAHAGIAN E: HARAPAN

| | | |
|---------|-------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| 1:48:06 | Beliau menceritakan tentang perubahan persepsi masyarakat sekarang | Perbandingan pada tahun 1990 sehingga tahun 2022 |
| 1:52:55 | Menceritakan minat generasi muda sekarang dalam bidang terapi carakerja | Bidang yang unik yang menggabungkan 3 komponen |

DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|----------|-----------------|----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|
| 1.00 PM | 5 Oktober | Tugasan diberi oleh Madam Annisa | Mencatat maklumat yang diperlukan untuk kajian lisan ini. |
| 12.00 PM | 26 Oktober 2023 | Membentuk pasangan untuk kajian lisan lisan IMR604 | Membentuk kumpulan (berpasangan) di antara Tengku Nur Azilah dan Iman Amalin |
| 12.00 PM | 29 Oktober 2023 | Mencari tokoh temubual yang sesuai | Menyenaraikan tokoh berpotensi |
| 6:53PM | 31 Oktober 2023 | Menghantar email jemputan untuk melakukan temubual | Jika bersetuju untuk ditemubual, akan diberi soalan |

| | | | |
|----------|------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | | persediaan |
| 5:53AM | 2 November 2023 | Mendapat persetujuan daripada tuan Bersetuju untuk ditemubual dan akan berbincang tarikh temujanji di whatapps. | Berbincang tempat dan masa temubual yang akan diadakan. |
| 2:53 PM | 5 Disember 2023 | Dr Zulkifli menghubungi melalui Whatsapp untuk bertanya lebih lanjut tentang temubual | Menghantar dokumen maklumat tentang temubual seperti skop temubual, intipati temubual dan sebagainya. |
| 1.00 P.M | 6 Disember 2023 | Mencari idea untuk membina soalan untuk tokoh. | Menyediakan 100 soalan dengan kategori berbeza. |
| 12.00 PM | 14 Disember 2023 | Mengantar soalan-soalan kepada Madam Annisa | Soalan-soalan dirujuk oleh Madam Annisa untuk penambahbaikan |
| 8.00 AM | 18 Disember 2023 | Mengulangkaji soalan untuk di temubual | Membuat persediaan untuk temubual |
| 3:30PM | 18 Disember 2023 | Perjumpaan pertama di Pusat Transformasi OKU USM-MAIK | Temubual dijalankan |

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

SOALAN SEBELUM TEMUBUAL

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh Dr?
2. Adakah Dr mempunyai nama gelaran?
3. Berapakah usia Dr pada tahun ini?
4. Bilakah Dr dilahirkan?
5. Dimanakah Dr. Zul dilahirkan?
6. Dimanakah Dr menetap sekarang?
7. Pada usia berapakah Dr mula mendirikan rumah tangga?
8. Berapa lamakah Dr. sudah berkahwin?
9. Berapakah umur isteri Dr?
10. Apakah kerjaya isteri Dr?
11. Berapakah bilangan anak Dr?
12. Berapakah umur mereka sekarang?
13. Adakah Dr masih mempunyai ibu dan bapa?
14. Boleh saya tahu, apakah nama bapa Dr.?
15. Seterusnya, apakah nama ibu Dr?
16. Apakah kerjaya bapa Dr?
17. Apakah kerjaya ibu Dr?
18. Berapakah bilangan adik beradik Dr?
19. Dr merupakan anak yang keberapa ya?
20. Apakah hobi Dr. ketika masa lapang?

BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN

2.1 SEJARAH PENDIDIKAN DI SEKOLAH

1. Apakah nama sekolah rendah Dr?
2. Pada tahun berapakah Dr menamatkan sekolah rendah?

3. Adakah terdapat kenangan indah yang tak dapat Dr. lupakan sebagai pelajar sekolah rendah?
4. Apakah nama sekolah menengah Dr dan dimanakah sekolah tersebut?
5. Pada tahun berapakah Dr menamatkan persekolahan Dr di sekolah menengah?
6. Adakah Dr merupakan pelajar yang aktif di sekolah?
7. Siapakah guru kegemaran Dr?
8. Apakah subjek kegemaran Dr di sekolah?

2.2 SEJARAH PENDIDIKAN DI UNIVERSITI

9. Dimanakah Dr melanjutkan pelajaran setelah SPM?
10. Apakah jurusan yang Dr pilih ketika di universiti?
11. Mengapakah Dr memilih jurusan tersebut?
12. Apakah pula jurusan untuk Ijazah Sarjana Dr?
13. Mengapa Dr memilih jurusan tersebut di peringkat Ijazah Sarjana?
14. Seterusnya, apakah jurusan untuk peringkat doktor falsafah Dr dan mengapa memilihnya?
15. Apakah yang mendorong Dr untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah?
16. Adakah Dr melibatkan diri dalam persatuan atau kelab-kelab di universiti?
17. Apakah peristiwa manis Dr sebagai seorang mahasiswa?
18. Siapakah yang memberi inspirasi kepada Dr ketika menjadi seorang mahasiswa?
19. Adakah Dr pernah memegang jawatan penting dalam sesebuah persatuan di universiti?
20. Apakah pengalaman Dr ketika belajar di luar negara?
21. Apakah yang merupakan kelebihan belajar di luar negara menurut Dr?

BAHAGIAN 3 : KERJAYA

3.1 KERJAYA AWAL

1. Apakah kerjaya pertama Dr. selepas tamat pengajian, boleh jelaskan?
2. Dimanakah Dr memulakan kerja pertama Dr?
3. Bagaimana Dr mendapatkan kerjaya pertama Dr?

4. Berapakah umur Dr ketika memulakan kerjaya pertama?
5. Siapakah majikan pertama Dr?

3.2 KERJAYA SEBAGAI AKTIVIS OKU DAN PENGASAS DI PUSAT TRANSFORMASI OKU USM-MAIK

1. Sudah berapa lamakah Dr melibatkan diri sebagai Aktivis OKU?
2. Adakah terdapat faktor yang memberi galakan kepada Dr. untuk terlibat sebagai aktivis komuniti OKU?
3. Siapakah yang memberi inspirasi kepada Dr untuk menubuhkan Pusat Transformasi OKU USM-MAIK?
4. Bilakah Pusat Transformasi OKU USM-MAIK dibuka?
5. Boleh Dr kongsi mengenai rakan sekerja Dr di Pusat Transformasi OKU USM-MAIK?
6. Adakah terdapat had umur untuk mendapatkan perawatan di Pusat Transformasi OKU USM-MAIK?
7. Bagaimanakah komuniti OKU dapat menghubungi Pusat Transformasi OKU USM-MAIK untuk mendapatkan rawatan?
8. Adakah pesakit dikenakan bayaran apabila menerima rawatan?
9. Boleh jelaskan, apakah tugas Dr sebagai pakar *occupational therapist* (terapi carakerja)?
10. Apakah perkhidmatan yang diberi kepada komuniti OKU di Pusat Transformasi tersebut?
11. Boleh Dr kongsi contoh Dr membantu pesakit dalam sesi rawatan terapi carakerja?
12. Adakah terdapat kaedah khusus yang Dr gunakan dalam sesi rawatan terapi carakerja?
13. Adakah ada teknologi atau peralatan istimewa yang Dr gunakan dalam membantu proses terapi carakerja?
14. Apakah jenis latihan atau aktiviti yang biasa Dr sarankan kepada pesakit lakukan di rumah selepas sesi terapi carakerja?

15. Apakah program yang Dr anjurkan di Pusat Transformasi OKU USM-MAIK dalam kalangan masyarakat untuk membantu komuniti OKU?

3.3 KERJAYA LAIN-LAIN

1. Sudah berapa lamakah Dr bergelar sebagai seorang pensyarah?
2. Apakah subjek yang pernah Dr ajarkan kepada mahasiswa di universiti?
3. Adakah terdapat pengajian yang berkaitan dengan terapi carakerja kepada pelajar-pelajar Dr di USM?

BAHAGIAN 4 : SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

4.1 SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN SEBAGAI PAKAR TERAPI CARAKERJA

1. Apakah pencapaian tertinggi yang Dr sebagai aktivis OKU?
2. Adakah Dr pernah mendapatkan anugerah sepanjang menjadi pakar terapi carakerja?
3. Adakah Dr pernah dipanggil untuk merasmikan program-program melibatkan komuniti OKU selain di Pusat Transformasi OKU?
4. Adakah Dr pernah menerbitkan buku sebagai aktivis OKU?
5. Berapakah jumlah jurnal artikel yang telah dihasilkan dan diterbitkan oleh Dr mengenai terapi carakerja?

4.3 PENCAPAIAN LAIN-LAIN

1. Adakah Dr pernah menerima anugerah pendidikan lain daripada anugerah tersebut?
2. Jika ya, bolehkah Dr. ceritakan serba sedikit mengenai anugerah yang diterima?
 - a. Siapakah yang memberi anugerah tersebut?
 - b. Apakah bentuk anugerah yang diterima?

BAHAGIAN 5 : HARAPAN

1. Bagaimana Dr melihat perubahan dalam persepsi masyarakat terhadap OKU dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini?
2. Apakah cita-cita dan matlamat Dr dalam kerjaya ini pada masa hadapan?
3. Pada pendapat Dr, apakah komuniti OKU dapat menerima kualiti yang lebih baik di masa akan datang?

4. Adakah Dr berharap bahawa lebih ramai generasi muda berminat untuk menceburi bidang terapi carakerja?
5. Bolehkan Dr berikan sepatah dua kata untuk generasi akan datang?

SOALAN SELEPAS TEMUBUAL

PENGENALAN

1. Sebelum memulakan temubual ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Zul kerana sudi ditemu bual oleh kami. Tanpa membuang masa, saya ingin mulakan dengan soalan mengenai latar belakang Pusat Transformasi OKU ini.

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG

1. Seterusnya, kita akan masuk ke soalan latar belakang, soalan pertama, apakah nama penuh Dr?
2. Soalan seterusnya, adakah Dr mempunyai nama gelaran?
3. Seterusnya, berapakah usia Dr pada tahun ini?
4. Seterusnya, pada usia berapakah Dr mendirikan rumah tangga?
5. Jika Dr tidak keberatan, boleh berkongsi kerjaya isteri Dr?
6. Soalan seterusnya, adakah Dr masih mempunyai ibu dan bapa?
7. Okay, soalan seterusnya, boleh kami tahu nama penuh ibu dan bapa Dr?
8. Soalan seterusnya, apakah kerjaya bapa Dr?
9. Soalan seterusnya, berapakah bilangan adik-beradik Dr?
10. Soalan seterusnya, apakah hobi Dr ketika masa lapang?
11. Soalan yang terakhir bagi mengenai latar belakang, apakah prinsip hidup Dr?

BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN

1. Soalan seterusnya, kita akan pergi ke bahagian dua, sejarah pendidikan, soalan pertama, apakah nama sekolah rendah Dr?
2. Soalan kedua, adakah terdapat kenangan indah yang tak dapat Dr lupakan sebagai pelajar sekolah rendah?

3. Soalan seterusnya, apakah nama sekolah menengah Dr dan di manakah sekolah tersebut?
4. Soalan seterusnya, pada tahun berapakah Dr menamatkan persekolahan di sekolah menengah?
5. Soalan seterusnya, adakah Dr merupakan pelajar yang aktif di sekolah?
6. Seterusnya, siapakah guru kegemaran Dr?
7. Soalan seterusnya, siapakah rakan karib Dr ketika di sekolah?
8. Seterusnya, adakah Dr pernah menjadi seorang pengawas atau mempunyai jawatan ketika di sekolah? Jika ya, boleh Dr ceritakan pengalaman Dr menjadi seorang pengawas atau jawatan-jawatan lain.
9. Okay, soalan seterusnya, apakah subjek kegemaran di sekolah?
10. Soalan seterusnya, apakah pencapaian yang pernah Dr peroleh semasa di peringkat sekolah?
11. Seterusnya, apakah cita-cita Dr ketika di sekolah?
12. Saya akan meneruskan mengenai sejarah pendidikan Dr dekat [di] universiti pulak [pula]. Dimanakah Dr melanjutkan pelajaran setelah SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]?
13. Okay, boleh Dr ceritakan cabaran ketika menjadi mahasiswa ketika belajar di luar negara?

BAHAGIAN C : KERJAYA

1. Seterusnya saya nak tanya tentang kerjaya awal Doktor sebelum menjadi terapi carakerja ni [ini]? Kerjaya pertama.
2. Sudah berapa lama Doktor melibatkan diri sebagai terapi carakerja?
3. Siapakah majikan pertama doktor?
4. Siapakah yang memberi inspirasi kepada Doktor untuk menubuhkan Pusat Transformasi OKU ini?
5. Boleh Doktor kongsi contoh Doktor membantu pesakit dalam sesi rawatan terapi carakerja?
6. Nak tanya kalau pesakit ini dikenakan bayaran ke apabila menerima rawatan ?
7. Bagaimanakah komuniti oku dapat menghubungi pusat transformasi oku untuk mendapatkan rawatan ?

8. Adakah ada teknologi atau peralatan istimewa doktor gunakan untuk bantu proses terapi carakerja ini ?
9. Bilakah tarikh tempat informasi ini yang dibuka ?
10. Nak tanya pasal kerjaya doktor sebagai pensyarah, sudah berapa lamakah doktor bergelar sebagai seorang pensyarah dan dibawah fakulti apa doktor?
11. Doktor merupakan pensyarah di fakulti apa dan doktor merupakan pensyarah ijazah atau diploma?
12. Boleh doktor kongsi tip bagaimana doktor seimbangkan kerjaya doktor pakar terapi carakerja dan ?
13. Boleh doktor berikan contoh subjek doktor ajar mahasiswa di universiti?

BAHAGIAN D: SUMBANGAN

1. Sekarang saya nak masuk ke bahagian sumbangan dan pencapaian. Apakah pencapaian tertinggi doktor dapat sebagai aktivis oku? Dan siapa yang beri pengiktirafan.
2. Adakah doktor pernah dipanggil untuk merasmikan program-program melibatkan komuniti oku selain di pusat transformasi oku?
3. Adakah doktor pernah menggunakan dana peribadi untuk membantu komuniti oku?
4. Adakah doktor pernah menerbitkan buku atau jurnal artikel mengenai komuniti oku?
5. Adakah terdapat program atau aktiviti yang memberi impak yang baik kepada komuniti oku ini?
6. Nak masuk di bahagian sumbangan dan pencapaian doktor sebagai pensyarah. Adakah doktor pernah menerima anugerah sebagai seorang pensyarah/pendidik?
7. Selain itu, apakah sumbangan terbaik yang pernah doktor berikan sebagai seorang pendidik kepada mahasiswa?

BAHAGIAN E: HARAPAN

1. Saya nak masuk bahagian harapan, sebagai aktivis oku bagaimana doktor melihat perubahan dalam persepsi masyarakat terhadap komuniti oku?
2. Apakah cita-cita dan matlamat doktor dalam kerjaya ini pada masa hadapan?
3. Adakah Dr berharap bahawa lebih ramai generasi muda berminat untuk menceburi bidang terapi carakerja? Bolehkan Dr berikan sepatah dua kata untuk generasi akan datang?

PENUTUP

1. Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Doktor Zulkifli Abdul Rahim. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan ^{universiti} tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini. *Di sini salinan diserahkan kepada*
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini ~~perlu/diak-puto~~ *disemak oleh tokoh (interviewee).* *tokoh.*
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-
di sini
di-acknowledge

nama tokoh *Mand Zulhazri*
Tarikh: *18/12/2023* *Abdul Rahim*

(Nama Pensyarah: Nurulainisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR



Gambar 1 : Foto kenangan bersama Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim



Gambar 2: Foto beliau memegang anugerah beliau.

INDEKS

A

Aktivis oku 69, 73

Alhamdulillah 28, 29, 30, 31, 32, 39, 45, 46, 49, 50, 51, 53, 55, 58, 63, 64, 69, 70, 75, 80

B

Bencana 61, 62, 63, 64, 65

Bukan 26, 28, 34, 35, 37, 39, 40, 41, 44, 46, 47, 48, 49, 51, 52, 53, 55, 57, 61, 62, 65, 66, 72, 74, 76, 77, 78, 79, 81, 82, 83

C

Clinical occupational therapist 61, 66

Cabaran 62, 63, 67

E

Expectation 41

KPT 65,

Komuniti 69, 71, 72, 76, 77, 78, 81,

Kerjaya 61, 62, 63, 64, 70

M

Masalah 26, 40, 43, 45, 49, 54, 67, 68, 74, 76, 77,

Malaysia 26, 28, 29, 30, 35, 38, 39, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 53,

Oku 25, 26, 27, 29, 35, 47, 52, 62, 63, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83

Oku lembam 61, 64, 65, 66

Occupational therapist 61, 62, 66

Overseas 28, 29, 53, 66,

P

Pusat transformasi oku 62, 67, 68, 70,

PhD 29, 30, 31, 51, 52, 54, 55, 57, 59, 61, 64, 67, 68, 69, 74,

PDK 64, 65, 66

Pensyarah 69,

Pendidikan 62, 63, 64

Perubatan 26, 38, 44, 73, 82,

Projek 30, 51, 54, 69, 70, 72, 79, 80

Pengalaman 25, 37, 40, 42, 51, 52, 53, 57, 65, 67, 73, 84,

R

Rawatan 62, 63, 70

S

So 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34,35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51. 52. 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 69, 71

T

Temubual 25, 39, 40, 41, 42, 45,

Terapi cara kerja 25, 26, 32, 40, 41, 42, 44, 46, 47, 48, 50, 66, 67, 70, 71, 73, 74, 82,

U

USM 61, 62, 63, 64, 65, 69, 71

UKM 42, 43, 50,

UiTM 47, 48, 49, 79,

USIM 64, 65

Y

Yang 25, 26, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69,70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 8